

"SESUNGGUHNYA Allah tidak mengubah (keadaan) apa yang ada pada suatu kaum sehinggalah mereka mengubah (keadaan) apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki (untuk menimpa-kan) keburukan (azab) kepada suatu kaum maka tidak ada yang dapat menolaknya. Dan mereka tidak memperoleh pelindung selain daripadaNya".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ar-Rad ayat 11.

KEBERKATAN BRUNEI DITANAI DENGAN DOA, ZIKIR, AL-QURAN

Oleh : Muhammad Zulkamal
 Awang Haji Kamis
 Foto : Hernie Suliana Haji Othman

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu Hijrah 1448.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyentuh mengenai cabaran, Alhamdulillah, Brunei kita dapat sentiasa berkeadaan selamat, tanpa mengalami sebarang bencana alam yang mengganggu kehidupan. Ini semua adalah berkat Brunei ditanai dengan doa, dengan zikir dan dengan Al-Quran.

Cuma satu perkara yang memerlukan perhatian bersama ialah Brunei kadang-kadang terpalit dengan jenayah seperti jenayah dadah, jenayah curi dan lain-lain yang mengaibkan negara serta amat dibenci oleh agama.

"Maka dalam perkara ini, semua agensi,

khususnya yang berkenaan dengan keselamatan dan agama hendaklah bergerak pantas mendepani gejala ini," demikian antara petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan bersempena Tahun Baharu Hijrah 1448 di Istana Nurul Iman, hari ini.

>> Muka 4

Sentiasa menjalankan tanggungjawab dengan jujur, berintegriti, beretika

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beritah menegaskan agar Menteri-menteri Kabinet baharu untuk sentiasa menjalankan tanggungjawab yang diberi dengan jujur, berintegriti dan beretika dalam sama-sama memastikan jentera kerajaan sentiasa bebas daripada amalan

kronisme, nepotisme atau sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan kredibiliti kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan perkara berkenaan semasa Rang Titah Mukadimah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Ke-92 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

"Pada mesyuarat kali ini, kita akan mendengarkan pembentangan daripada Menteri-menteri Penyelaras berhubung fungsi, peranan serta mandat autoriti yang dipertanggungjawabkan kepada Menteri-menteri berkenaan.

"Beta mahu ketiga-tiga Menteri Penyelaras untuk membentangkan pelan yang telah dirangka, terutamanya mengenai mekanisme, koordinasi serta kerangka kerja penyelarasan yang akan diguna pakai," titah baginda lagi.

>> Muka 5

Semarak Awal Tahun Baharu Hijrah di Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Selasa, 16 Jun. - Bagi memperingati peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah, Negara Brunei Darussalam (NBD) menyambut ketibaan Awal Tahun 1448 Hijrah dengan Majlis

Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448.

Majlis tersebut diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara mulai pukul 5.00 petang tadi. Bagi Daerah Tutong, tumpuan majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah,

Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu khas ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

>> Muka 7



Berita Utama



SU Antarabangsa Brunei adakan Majlis Khatam Al-Quran

Muka 11



MOU memacu pembangunan kapasiti teknologi, pembinaan ekosistem inovasi

Muka 12



MEMPERKUKUH kesiapsiagaan komuniti menghadapi kecemasan

Muka 18



RENCANA

HIJRAH menghindari musibah oleh musuh akidah

Muka 20

Masjid Jubli Intan pesambah istimewa rakyat kepada raja

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Ambiaie Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiie
Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

DENGAN penuh hormat dan takzim serta dengan merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, mewakili Ahli-ahli Jemaah Tadbir, Lembaga Pengarah Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik serta Jawatankuasa Tertinggi Pembinaan Masjid Jubli Intan sempena Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Tuan Patik Menaiki Takhta, menyebarkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli berangkat ke Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan pada pagi yang penuh berkah ini dan seterusnya berkenan menyempurnakan Upacara Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan, menyaksikan tayangan klip video serta pameran konsep dan reka bentuk Masjid Jubli Intan.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik berserta kerabat-kerabat diraja ke majlis ini yang juga merupakan salah satu majlis rasmi yang pertama diadakan bersempena dengan Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Tuan Patik Menaiki Takhta yang insyaaAllah akan disambut dan diraikan dengan penuh gemilang pada 5 Oktober 2027 tahun depan, adalah suatu kurnia yang amat bermakna dan istimewa bagi *abis-abis* hamba

Kebawah Duli Tuan Patik.

Sesungguhnya, keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini bukan sahaja menambah seri dan keberkatan majlis, bahkan memberi dorongan kepada *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan Ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Sambutan Jubli Intan untuk terus mengungayahkan persediaan-persediaan dengan titih bagi Sambutan Jubli Intan yang penuh bersejarah itu nanti dengan semangat ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi dan perasaan kasih sayang yang mendalam Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik yang *abis-abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sangat kasihi.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan penuh hormat dan takzimnya seterusnya menyebarkan bahawa cadangan pembinaan Masjid Jubli Intan ini adalah sebagai simbol rasa syukur dan ketaatan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menjadi sebuah pesambah istimewa dan tulus ikhlas daripada rakyat kepada raja Ulul Amri yang dikasihi.

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Tuan Patik, beberapa sesi perbincangan telah pun diadakan mengenai cadangan reka bentuk serta perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan projek pembinaan Masjid Jubli Intan. InsyaaAllah, disebarkan Masjid Jubli Intan ini dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat Daulat Kebawah Duli Tuan Patik jua dijangka siap sepenuhnya pada penghujung bulan Julai 2027.

Disebarkan seterusnya bahawa Masjid Jubli Intan dihasratkan untuk menjadi mercu

tanda kepimpinan bijaksana lagi berdaulat Kebawah Duli Tuan Patik selaku Ulul Amri yang menerajui negara di atas landasan Melayu Islam Beraja menuju hasrat murni iaitu sebuah negara yang 'Baldatun Taysyibatun Warabbun Ghafur'. Ini juga amat bermakna kerana Kebawah Duli Tuan Patik bukan sahaja merupakan raja yang paling lama memerintah di dunia pada masa ini bahkan di dalam sejarah dunia Islam jua, Kebawah Duli Tuan Patik turut merupakan antara Ketua Negara yang paling lama berkhidmat.

Setentunya ini adalah suatu pencapaian yang bersejarah dan teramat gemilang, yang menandakan nikmat, kurnia dan kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala kepada Kebawah Duli Tuan Patik, ahli-ahli kerabat Kebawah Duli Tuan Patik serta seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam yang patut disyukuri bersama-sama.

Seterusnya disebarkan bahawa sejurus Kebawah Duli Tuan Patik selesai meletakkan batu asas dan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan nanti, lagi majlis akan dipersembahkan satu tayangan video mengenai projek pembinaan Masjid Jubli Intan, yang memaparkan secara keseluruhannya reka bentuk bangunan serta reka bentuk dalaman masjid berkenaan dan diikuti dengan Doa Selamat. Kebawah Duli Tuan Patik akan seterusnya dijunjung untuk menyaksikan pameran serta mendengar sembah taklimat yang akan disebarkan oleh Bahagian Arkitek, Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff semasa sembah alu-aluannya pada Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan pada Isnin, 11 Mei 2026 yang berlangsung di Tapak Pembinaan Masjid Jubli Intan, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Mata-Mata Kawasan 3, Mukim Gadong 'B'.

dengan penuh hormat dan takzim menyebarkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik bercemar duli berangkat ke majlis berkebajikan dan bersejarah ini bersama-sama ahli-ahli kerabat diraja Kebawah Duli Tuan Patik.

>> Muka 11

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
17	RABU	1	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
18	KHAMIS	2	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
19	JUMAAT	3	4.34	4.44	6.09	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
20	SABTU	4	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
21	AHAD	5	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
22	ISNIN	6	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.49	6.34	7.50
23	SELASA	7	4.35	4.45	6.10	6.34	12.23	3.50	6.35	7.51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU			
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C		33 24 °C	
Pekan Bangar			
32 24 °C		31 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C		31 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C		32 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

17 JUN 2026

Perubahan dan penghijrahan

ALHAMDULILLAH, setiap tahun kita kana meraikan awal Muharam. Bulan Islam dimulakan dengan bulan Muharam dan ditutup dengan bulan Zulhijah. Pada kelazimannya kita akan menanamkan azam tahun baharu. Tetapi adakah keazaman kita tercapai? Keazaman bukanlah hanya bualan kosong akan tetapi ia adalah hasrat kita untuk sentiasa memperbaiki diri dari semasa ke semasa. Kita sering dengan hijrah ini mengubah kehidupan kita daripada kurang baik kepada baik dan daripada baik kepada lebih baik. Tetapi ia tidak cukup hanya dengan menetapkan sesuatu perubahan tanpa ada jadual tempoh perubahan (*timeline*).

Setiap perubahan diri bermula daripada sekecil-kecil keazaman dan akan membesar. Sebagai contoh, perubahan diri sendiri daripada mula lahir hinggalah ke hari ini menunjukkan perubahan besar. Daripada belum pandai atau belum petah bercakap hinggalah ke hari ini. Manakala penghijrahan pula daripada kita tidak mengenali huruf kepada dapat membaca dengan lancar, lebih-lebih memperbaiki sembahyang fardu sehari. Inilah dinamakan perubahan dan penghijrahan yang ketara dalam kehidupan kita sehari-hari.

Pertama, mulakan penghijrahan dan amalan secara berperingkat dan bukannya secara mendadak yang mungkin akan terasa beban. Boleh mulakan dengan membaca Al-Quran dalam bilangan muka surat yang sedikit dahulu namun berterusan. Begitu juga dengan solat sunat, kita boleh amalkan Solat Sunat Taubat terlebih dahulu dan lakukan secara berterusan sehingga ia menjadi suatu rutin dalam kehidupan harian awda. Kedua, sentiasa bergaul dan dekatkan diri awda dengan sahabat yang suka melakukan amalan yang mendekatkan diri dengan Allah. Ketiga, amalkan doa untuk meningkatkan iman dan kekal istiqamah. Sesungguhnya hidayah dan kekuatan dalam perjalanan hijrah adalah milik Allah. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri selalu amalkan doa seperti yang diriwayatkan dalam hadis, daripada Shahar bin Haushab RA : "*Wahai Tuhan yang membolak-balikkan hati, teguhkanlah hatiku di atas agama-Mu*". (Hadis Riwayat al-Tirmizi) Keempat, jangan sesekali meninggalkan solat fardu. Sesibuk apa pun kita, ambil juga masa untuk menunaikan solat fardu pada awal waktu. Gunakan masa ini untuk bersama Pencipta dan memohon apa sahaja yang awda mahukan. Kelima, jangan segan untuk melakukan sekecil-kecil kebaikan seperti sedekah dan menghulurkan bantuan kepada yang mereka yang memerlukan. Jika ada kesempatan untuk melakukan sebarang kebaikan, terus lakukan tanpa berfikir panjang. Keenam, khusus untuk kaum wanita yang mahu kekal menutup aurat dengan sempurna, tetapkan pemikiran awda bahawa awda menutup aurat kerana Allah dan bukannya sebab orang atau keinginan berfesyen. Ingatlah, sebaik-baik wanita adalah wanita yang menjaga kehormatan diri daripada menjadi fitnah. Akhir sekali, isi masa lapang awda dengan menyertai majlis-majlis ilmu. Banyak kelebihan yang hadir bersama orang yang gemar ke majlis ilmu, antaranya mendapat rahmat Allah dan perlindungan daripada para malaikat. Majlis ilmu juga bertindak sebagai peringatan buat diri untuk sentiasa menjaga perintah dan meninggalkan larangan Allah dengan baik.

Sidang Pengarang kali ini membawa pembaca semua untuk sama-sama menghayati hijrah dalam diri sendiri. Buatlah jadual perubahan ke arah kebaikan, insyaaAllah jika kita istiqamah dalam perubahan dan penghijrahan kita akan mendapat berkat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala jua. - **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT KE MAJLIS BACAAN DOA AKHIR TAHUN, AWAL TAHUN HIJRAH 1448 PERINGKAT NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1448 Peringkat Negara. Berangkat sama, paduka-anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri
Awang Haji Abas, Ni'al Haris Haji Muhd. Nikman

KIARONG, Selasa, 16 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1448

Peringkat Negara berlangsung lewat petang tadi di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini. Berangkat sama, paduka-anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dr. Abdul Fattaah

ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Baiduri Sendirian Berhad selaku Pengendali Bersama; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1448 Hijrah; Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Pengendali Bersama; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof selaku Pengendali Bersama; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

>> Muka 4



BACAAN Doa Akhir Tahun Hijrah 1447 dan Doa Awal Tahun Hijrah 1448 dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (atas), manakala gambar bawah kiri, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan. Sementara gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara jemaah yang hadir.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah 1447 sebanyak dua kali dalam bahasa Arab dan satu kali dalam bahasa Melayu oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar.

Sejurus selepas itu, tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Diikuti dengan bacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1448 sebanyak dua kali dalam bahasa Arab dan satu kali dalam bahasa Melayu oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie dan seterusnya Sembahyang Hajat Berjemaah.

Bagi memohon keberkatan dan rahmat dalam majlis yang

penuh kebajikan ini, Doa Selamat dibacakan lagi oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Tema Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1448 Peringkat Negara ialah 'Hijrah Penyelamat Akidah'.

Majlis dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Bank Baiduri Sendirian Berhad.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat meninggalkan majlis (atas), sementara gambar kiri, antara yang hadir menadah tangan ketika doa dibacakan.

Keberkatan Brunei ditanai dengan doa, zikir, Al-Quran

■ Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

>> Muka 1

Khusus bagi pihak agama, titah baginda lagi, ialah memperkasa pendidikan agama dan bidang dakwah, bagi tujuan menanam kesedaran membenci dadah dan lain-lain jenayah dalam kalangan masyarakat.

"Pada hemat beta, dalam senario seperti ini, kita orang Islam adalah dituntut supaya jangan lupa membanyakkan doa meminta selamat, meminta negara bersih daripada jenayah, insyaaAllah, perlindungan akan tetap berpihak kepada kita," titah baginda.

"Di sinilah tanggungjawab kita

sedang diperlukan, iaitu tanggungjawab menyelamatkan terhadap umat dan negara. Beta yakin, perkara ini mampu untuk kita capai dengan izin Allah," titah baginda lagi.

Maka dalam senario seperti ini, titah baginda, kita orang Islam diperlukan supaya sentiasa waspada, bukan banyak lalai atau lupa tetapi banyak berdoa dan berzikir meminta selamat.

Terdahulu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah dengan niat suci semata-mata kerana Allah,

marilah kita sama-sama merafakkan syukur kepada-Nya, yang telah mentakdirkan kita dipanjangkan umur untuk dapat menyambut dan meraikan lagi Tahun Baharu Hijrah.

"Kita berharap dan malah berdoa semoga tahun baharu ini akan dapat diisi dengan usaha-usaha berkebajikan bagi diri sendiri dan keluarga serta bagi negara tercinta," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, banyak perkara masih perlu dibuat sama ada dalam bidang mata benda mahupun dalam bidang rohani. Bidang mata benda meliputi ekonomi dan pembangunan fizikal, sementara bidang rohani

pula meliputi ilmu, pendidikan dan dakwah.

"Semua ini menuntut kita untuk bekerja keras, tanpa mengenal titik noktah. Ada pun tahun baharu, hanyalah wadah untuk memperbaharui azam, bukannya untuk kita baharu hendak melangkah melakukan kerja," titah baginda lagi.

Dalam era hari ini, titah baginda, banyak perkara jadi cabaran. Sama ada kita suka atau tidak, dunia kita kini adalah sedang berada dalam kancah peperangan. Dari peperangan, tidak ada sebarang kebajikan yang dapat ditunggu, melainkan semuanya adalah penderitaan dan kesusahan belaka. Semua

pihak termasuk kita, tidak ada yang terkecuali dari turut menerima kesannya.

"Akhir kalam, untuk menutup perutusan ini, beta dan keluarga beta, dengan sukacita dan besar hati mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1448 kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, semoga dengan berkat tahun baharu, kita semua dilimpahi rahmat dan nikmat oleh Allah berupa petunjuk atau hidayat serta keselamatan dan rezeki yang mencurahkan-curahkan. *Amin, Ya Rabbal Alamin*," titah Kebawah DYMM mengakhiri Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1448.

SENTIASA MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN JUJUR, BERINTEGRITI, BERETIKA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan seterusnya mengurniakan titah pada Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Ke-92 yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, begitu juga pembentangan daripada Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri perlu merangkumi rancangan-rancangan yang sudah disusun, termasuk penelitian terhadap mana-mana jabatan yang patut diserapkan ke dalam kementerian tersebut bagi memastikan proses peralihan akan dapat berjalan dengan lancar.

Titah baginda lagi, selepas mendengar pembentangan dari

ketiga-tiga Menteri Penyelaras, ahli-ahli kabinet yang lain dialu-alukan untuk menyumbangkan buah fikiran serta pandangan yang bemas bagi memastikan penyelarasan dan penyeliaan terhadap tiga bidang keutamaan ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih teratur.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah menzhahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah rahmat dan inayah-Nya jua, Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet

Ke-92 dapat bersidang pada hari ini. Kebawah DYMM dalam titah menjelaskan bahawa persidangan kali ini merupakan mesyuarat kali pertama Majlis Menteri-menteri Kabinet yang baharu dilantik bagi tahun 2026 hingga 2030.

Sehubungan itu, baginda juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Menteri-menteri di atas pelantikan ke dalam barisan Menteri-menteri Kabinet yang baharu.

"Dalam kesempatan ini juga, beta sukacita ingin mengalu-alukan kehadiran paduka-paduka anakanda beta ke dalam barisan Menteri Kabinet dan Mesyuarat

Menteri Kabinet.

"Beta percaya paduka-paduka anakanda beta akan dapat memainkan peranan penting di dalam Menteri Kabinet ini berdasarkan dari kecenderungan dan pengalaman mereka di dalam kerajaan sebelum ini," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah mengambil maklum bahawa pelantikan Menteri-menteri Kabinet baharu telah mendapat pelbagai reaksi daripada pelbagai pihak dari dalam dan luar negara yang majoritinya disuarakan melalui media sosial.

Namun, titah baginda lagi, secara keseluruhannya, barisan Menteri

Kabinet yang baharu ini telah diterima baik. Dalam masa yang sama, reaksi yang diterima juga menyuarakan harapan terhadap Menteri-menteri Kabinet yang baharu untuk melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan sebaiknya dan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding penggal sebelumnya.

Sementara itu, titah baginda lagi, sebarang kritikan yang membina hendaklah dijadikan sebagai satu dorongan untuk sentiasa bermuhasabah diri dan sebagai pembakar semangat untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada.

Pastikan setiap *blueprint*, strategi, perancangan sentiasa diteliti, dikaji semula

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. — Menteri-Menteri Penyelaras hendaklah memastikan bahawa kementerian-kementerian di bawah penyelarasan masing-masing mempunyai pelan pelaksanaan yang mantap, memahami tanggungjawab yang dipikul dan bergerak secara selaras ke arah mencapai hasil yang ditetapkan.

Mereka juga bertanggungjawab memantau kemajuan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah diperkenalkan, mengenal pasti cabaran atau kelemahan yang timbul serta memastikan tindakan pembetulan diambil dengan segera apabila diperlukan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan perkara tersebut pada Rang Titah Penutup baginda sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Ke-92 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah, pada masa yang sama, setiap *blueprint*, strategi dan perancangan yang telah digariskan hendaklah sentiasa diteliti dan dikaji

semula agar kekal relevan dengan perubahan keadaan dan cabaran semasa.

Dunia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam lagi, bergerak dengan pantas dan landskap global sentiasa berubah. Oleh itu, kerajaan hendaklah sentiasa bersedia untuk menyesuaikan pendekatan dan keutamaan yang diperlukan supaya lebih responsif, efektif dan mampu memberikan impak yang nyata kepada rakyat.

"Dalam konteks yang lebih luas, beta juga ingin menekankan bahawa aspek keselamatan negara tidak hanya tertumpu kepada aspek ketenteraan dan pertahanan semata-mata tetapi turut merangkumi aspek sosial dan ekonomi yang saling berkait rapat antara satu sama lain.

"Dalam hubungan ini, beberapa perkara asas perlu sentiasa diberikan perhatian termasuk kestabilan politik (*political stability*), keselamatan ekonomi (*economic security*), keselamatan tenaga (*energy security*) dan keselamatan makanan (*food security*).

"Kesemua elemen ini merupakan tunjang kepada kestabilan, kemakmuran dan daya tahan negara, dan hendaklah sentiasa dipastikan berada pada tahap yang kukuh dan terjamin," titah baginda lagi.

Dalam titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan dari aspek sosial pula, baginda memberi perhatian khusus kepada isu pengangguran yang perlu ditangani secara lebih berkesan. Usaha

mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan hendaklah terus dipergiatkan di samping mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing secara berperingkat.

Dalam hal ini titah Kebawah DYMM lagi, kerajaan hendaklah terus bekerjasama rapat dengan sektor ekonomi dan industri bagi memastikan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti dapat diwujudkan untuk rakyat tempatan.

"Beta juga berpandangan bahawa syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau Government-Linked Companies (GLC) perlu terus diperkukuhkan peranannya sebagai antara pemacu utama peluang pekerjaan dalam negara.

>> Muka 6



BERANGKAT sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri (kiri dan kanan).



BERKENAN MEMPENGERUSIKAN PERSIDANGAN MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI KABINET KE-92

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mempengerusikan Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Ke-92, yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Berangkat sama ke Persidangan Majlis Mesyuarat berkenaan ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet Ke-92 yang berlangsung di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (kiri), manakala gambar kanan, baginda berkenan menadah tangan ketika doa dibacakan.

Ehwal Luar Negeri.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet.

Semasa mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan mengumikan titah.

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Doa Selamat oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran



Haji Hassan.

Ini merupakan mesyuarat kabinet yang pertama sejak pelantikan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu yang berkuat kuasa pada 4 Jun 2026.

Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu telah mengangkat sumpah pada Isnin, 8 Jun 2026 dengan pelantikan seramai 17 Menteri dan empat Timbalan Menteri bagi tempoh empat tahun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baharu.

Memastikan sektor keselamatan negara, ekonomi, sosial, tenaga manusia bergerak seiring

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah berharap agar mekanisme penyelarasan ini akan terus memperkukuhkan pendekatan Whole of Government yang sentiasa baginda tekankan dalam usaha mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah dengan tempoh yang berbaki kurang daripada satu dekad, setiap kementerian tidak boleh lagi bergerak secara terpencil (*siló*).

"Menteri-Menteri Penyelaras hendaklah menjadi penghubung utama dan menyatukan segala usaha, keutamaan dan tindakan kerajaan ke arah mencapai matlamat yang sama demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam pada Rang Titah Penutup Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Ke-92 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah menegaskan, peranan dan tanggungjawab Menteri-Menteri Penyelaras yang telah dilantik dalam rombakan kabinet yang lalu. Jawatan Menteri Penyelaras bukan sekadar satu gelaran, tetapi merupakan satu amanah yang penting untuk memastikan kementerian-kementerian di bawah sektor keselamatan negara, ekonomi, sosial dan tenaga manusia bergerak seiring dengan matlamat yang dihasratkan.

"Dalam konteks ini, Menteri-Menteri Penyelaras hendaklah berfungsi sebagai peneraju utama dalam menyelaraskan isu-isu merentas kementerian atau *cross-cutting issues* yang melibatkan sektor-sektor di bawah bidang kuasa masing-masing.

"Mereka bertanggungjawab memastikan agar jurang pelaksanaan antara kementerian tidak dibiarkan melebar.

"Bagi membolehkan peranan ini dilaksanakan dengan lebih berkesan, beta telah memberikan

mandat kepada Menteri-Menteri Penyelaras untuk mengeluarkan arahan yang bersesuaian bagi menyelaraskan tindakan kementerian - kementerian berkenaan apabila berhadapan dengan isu-isu kepentingan negara yang bersifat *cross-cutting*," titah baginda lagi.

Walau bagaimanapun, titah Kebawah DYMM lagi, dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, Menteri-Menteri Penyelaras hendaklah memastikan bahawa sebarang keputusan yang melibatkan penggabungan dasar baharu, perubahan dasar yang mempunyai implikasi strategik kepada negara, peruntukan atau pengalihan sumber yang signifikan, serta penyelarasan antara kementerian dan agensi yang memberi kesan besar terhadap kepentingan negara, terlebih dahulu mendapatkan perkenan baginda.

Dalam hubungan ini, Kebawah DYMM bertitah mahu melihat setiap Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan sasaran yang telah diperkenalkan disusuli dengan tindakan yang jelas, terarah dan berfokus. Setiap kementerian hendaklah memastikan bahawa KPI dan sasaran yang telah diperkenalkan diterjemahkan kepada pelan tindakan yang konkrit, lengkap dengan garis masa pelaksanaan, penetapan tanggungjawab yang jelas serta

mekanisme pemantauan yang berkesan.

"Alhamdulillah, dengan itu berakhirlah Persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet yang pertama bagi penggal ini.

"Beta amat gembira mendengar pembentangan-pembentangan yang telah disampaikan serta

pandangan-pandangan yang telah dikemukakan.

"Pembentangan-pembentangan tersebut memberikan gambaran yang jelas mengenai hala tuju, keutamaan dan fokus kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan negara," titah baginda lagi.

>> Muka 5

"Beta berharap agar GLC akan mampu berkembang menjadi antara penyumbang peluang pekerjaan dalam negara selepas sektor minyak dan gas, sekali gus menyumbang kepada pembangunan modal insan dan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan," titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, dari segi pertumbuhan ekonomi pula, tumpuan hendaklah diberikan kepada pengukuhan sektor kewangan serta untuk menarik pelaburan asing secara berterusan.

Dalam hubungan ini, baginda menekankan kepentingan kerjasama yang lebih rapat dengan Kementerian Pembangunan dalam usaha menarik Foreign Direct Investment (FDI), termasuk melalui penyediaan tanah, infrastruktur dan kemudahan-kemudahan sokongan yang diperlukan bagi memudahkan pelabur untuk beroperasi dan berkembang di negara ini.

Kebawah DYMM dalam titah berharap agar segala perkara yang telah dibincangkan dalam mesyuarat berkenaan akan diterjemahkan kepada tindakan susulan yang berkesan, dengan semangat kerjasama, akauntabiliti dan rasa tanggungjawab yang tinggi.

"Kejayaan kita tidak akan diukur melalui perancangan semata-mata, tetapi melalui hasil yang dapat dirasakan oleh rakyat dan impak yang dapat dilihat pada pembangunan negara.

"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus membimbing dan memberkati segala usaha kita, mengumikan kekuatan dan hikmah dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan, serta mengumikan kejayaan yang membawa manfaat besar kepada negara dan rakyat yang beta kasihi sekalian," titah baginda.

Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1448



>> Muka 1

Terdahulu, bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah 1447 dipimpin oleh Ketua Imam Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Mohd Waiz bin Tajuddin. Seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh imam masjid tersebut, Awang Sahibol

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu khas pada Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448 di Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong.

Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Omar bin Haji Mohd. Yusof yang kemudiannya mengetuai bacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1448. Sejurus selepas itu, jemaah menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan diikuti dengan bacaan Doa Sunat Hajat yang diketuai oleh imam masjid

berkenaan.

Majlis berkenaan dikendalikan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Bank Baiduri. Tema bagi majlis pada tahun ini ialah 'Hijrah Penyelamat Akidah'.

Daerah Temburong

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TEMBURONG, Selasa, 16 Jun. - Bagi menyemarakkan lagi sambutan hari-hari kebesaran Islam yang termaktub dalam Taqvim Hijrah, iaitu Sambutan Tahun Baharu Hijrah, Negara Brunei Darussalam menyambut Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448 di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di seluruh negara lewat petang tadi.

Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448 Peringkat Daerah Temburong turut diadakan lewat petang tadi di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Hadir ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar.

Kira-kira 250 orang hadir memeriahkan majlis tersebut,

terdiri daripada ketua-ketua cawangan jabatan, para pegawai dan kakitangan jabatan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, ahli Persatuan Saudara Baharu Temburong (PESAT), guru-guru Sekolah Ugama dan Sekolah Arab (Lelaki dan Perempuan), serta anggota pasukan beruniform.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah 1447 dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan Imam Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Mohammad Syahmi bin Haji Zaini.

Acara disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Seterusnya, jemaah bersama-sama membaca Doa Awal Tahun Hijrah 1448, yang dipimpin oleh Imam Tingkat III, Masjid Utama Mohammad Salleh, Awang Norezam bin Zaini.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Ba'diah Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat secara berjemaah, sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah pada tahun ini bertemakan 'Hijrah Penyelamat Akidah'.

Penganjuran majlis ini bertujuan untuk memohon keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala sempena berakhirnya Tahun Hijrah yang lalu dan menyambut kedatangan Tahun Hijrah yang baharu.

Di samping itu, majlis ini juga bertujuan menghayati peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai asas pengukuhan akidah, peningkatan keimanan serta pembentukan akhlak dan sahsiah yang mulia dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, majlis ini diharap dapat mengeratkan perpaduan dan silaturahim dalam kalangan masyarakat, di samping menerapkan nilai-nilai murni yang bermanfaat dalam kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara.

Semoga usaha ini akan terus menyemarakkan Sambutan Ilal Hijrah Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi di Daerah Temburong serta menjadi pemangkin ke arah pembentukan masyarakat yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan nilai-nilai kebangsaan.

Daerah Belait

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448 di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait (atas), manakala gambar bawah, antara jemaah perempuan yang turut hadir pada majlis berkenaan.

BELAIT, Selasa, 16 Jun. - Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait menjadi tumpuan bagi Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448 bagi Peringkat Daerah Belait, lewat petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis turut dihadiri oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad; penghulu dan ketua-ketua kampung; para pegawai kanan dan kakitangan kerajaan serta penduduk di Daerah Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul Qayyum bin Haji Aminuddin yang seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya memimpin bacaan Doa Awal Tahun Hijrah 1448.

Acara kemudian diselenggarakan dengan Sembahyang Sunat Ba'diah dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan Doa Selamat bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam beroleh kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar daripada segala wabak penyakit dan bala bencana.

Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah tahun ini bertepatan 'Hijrah Penyelamat Akidah'.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir pada Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 dan Awal Tahun Hijrah 1448 Peringkat Daerah Temburong yang mengambil tempat di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

UNISSA TERIMA KUNJUNGAN AHLI MMN



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali, Kampus Sinaut menerima kunjungan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara bagi Sesi Dialog dan Lawatan Kerja. Turut hadir, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SINAUT, Selasa, 16 Jun. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kampus Sinaut telah menerima kunjungan daripada Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Sesi Dialog dan Lawatan Kerja untuk meninjau perkembangan projek, penyelidikan dan inisiatif akademik universiti tersebut.

Lawatan tersebut antara lain mengetengahkan pameran projek dan inisiatif daripada Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan, Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Fakulti Pertanian, Pusat Makmal Saintifik Ibnu Sina dan E-Hub.

Pameran berkenaan bertujuan

memberikan gambaran lebih dekat mengenai peranan UNISSA dalam memperkasa pendidikan tinggi Islam, penyelidikan halal, pertanian, pelancongan mampan serta inovasi berasaskan ilmu dan teknologi.

Sesi Dialog dan Lawatan Kerja ini bertujuan bagi memudahkan cara perbincangan dua hala yang konstruktif serta pertukaran pandangan antara Ahli-ahli MMN dan pihak UNISSA. Ia turut menjadi platform untuk memahami dengan lebih mendalam pelan dan program sedia ada, termasuk pencapaian, kemajuan terkini serta hala tuju strategik universiti.

Turut hadir, Timbalan Menteri

Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal. Juga hadir sama, Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Arman bin Haji Asmad serta pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah dan kakitangan UNISSA.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Rektor UNISSA antara lain menzahirkan penghargaan atas kunjungan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke UNISSA Kampus Sinaut yang mencerminkan keprihatinan terhadap kemajuan dan kebajikan pendidikan tinggi di negara ini.

Beliau turut menekankan bahawa UNISSA sentiasa mengalu-alukan maklum balas,

nasihat dan pandangan ke arah penambahbaikan kualiti tadbir urus, di samping memastikan setiap inisiatif universiti terus sejajar dengan usaha negara mencapai Wawasan Brunei 2035 serta visi UNISSA untuk melahirkan 'Generasi Khayra Ummah'.

Antara perkara yang dibincangkan ialah usaha memperkasa kebolehpasaran graduan UNISSA dalam sektor pekerjaan melalui pengukuhan kemahiran, pendedahan industri dan perluasan peluang kerjaya dalam sektor kerajaan atau swasta terutamanya dalam bidang industri halal, pelancongan mampan serta sektor pertanian dan perikanan.

Turut dibincangkan ialah mengenai dengan peranan UNISSA khususnya Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban dalam memperkukuh ekosistem halal negara melalui penghasilan produk halal serta pemeraksanaan penggunaan Logo Halal Brunei sebagai simbol pematuhan syariah, kualiti dan keyakinan pengguna.

Sesi Dialog dan Lawatan Kerja ini diharap dapat memperkukuh hubungan serta kerjasama antara UNISSA dan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN di samping membuka ruang kepada perkongsian yang lebih luas dalam mendukung kecemerlangan pendidikan tinggi Islam dan pembangunan negara.

Memperkukuh kerjasama dalam sektor hospitaliti, perkhidmatan makanan

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei



INSTITUT Pendidikan Teknikal Brunei baru-baru ini merasmikan kerjasama dengan empat rakan industri, iaitu After Chukkas Restaurante Asador, Napor Café, Kedai Rotitiam dan W'Venture Partners melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman (atas dan kanan).

GADONG, Selasa, 16 Jun. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) baru-baru ini telah merasmikan kerjasama dengan empat rakan industri, iaitu After Chukkas Restaurante Asador, Napor Café, Kedai Rotitiam dan W'Venture Partners melalui pemeteraian Memorandum

Persefahaman (MoU) bagi menyokong pelaksanaan program NTec Apprenticeship in Professional Cookery Services.

Majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat IBTE berkenaan merupakan satu langkah penting dalam memperkukuh kerjasama antara IBTE dan pihak industri

dalam pembangunan tenaga kerja mahir bagi sektor hospitaliti dan perkhidmatan makanan di Negara Brunei Darussalam.

Program Perantisan NTec tersebut menggabungkan pembelajaran di bilik darjah dengan latihan berstruktur di tempat kerja, membolehkan para pelajar memperoleh pengalaman praktikal dalam persekitaran industri sebenar.

Pendekatan ini membantu melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang relevan serta meningkatkan kesiapsiagaan mereka dalam memenuhi keperluan tenaga kerja yang sentiasa berkembang.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Awang Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli menekankan kepentingan kerjasama sedemikian dengan menyatakan: "Kerjasama ini merupakan satu langkah bermakna dalam merapatkan jurang antara pendidikan dan industri.

"Dengan menyediakan pengalaman praktikal yang relevan kepada para pelajar, kita

bukan sahaja meningkatkan kebolehpasaran mereka, malah turut membina tenaga kerja yang berkeupayaan dan bersedia menghadapi masa hadapan demi menyokong pertumbuhan berterusan Negara Brunei Darussalam".

Kerjasama ini mencerminkan komitmen bersama antara IBTE dan rakan-rakan industri dalam menyokong pembangunan bakat melalui latihan praktikal, bimbingan profesional serta pendedahan kepada persekitaran kerja sebenar.

Ia juga menyumbang kepada aspirasi negara dalam

melahirkan tenaga kerja yang berdaya tahan dan berkemahiran tinggi selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Melalui inisiatif ini, IBTE terus memperkukuh penglibatannya bersama industri bagi memastikan program yang ditawarkan sentiasa relevan dan seiring dengan keperluan sektor.

Di samping itu, usaha ini turut membuka laluan yang lebih jelas kepada para perantis untuk beralih dengan lancar ke alam pekerjaan dalam sektor hospitaliti dan perkhidmatan makanan.



MEMPERKUKUH HUBUNGAN AKADEMIK, KEBUDAYAAN NBD-INDIA



MAJLIS Pelancaran Sudut Buku India tersebut disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam. Turut hadir, Ra'es KUPU SB (atas), manakala gambar atas kanan, sesi bergambar ramai pada majlis berkenaan.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menerima sumbangan sebanyak 36 buah buku ilmiah dan budaya daripada Suruhanjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena pelancaran Sudut Buku India yang berlangsung petang tadi di Bilik Taqwa, kolej universiti berkenaan. Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan

Yang Terutama Ramu Abbagani. Turut hadir, Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani bersama pegawai-pegawai eksekutif dan utama KUPU SB.

Pelancaran Sudut Buku India di Perpustakaan KUPU SB merupakan hasil kerjasama antara KUPU SB dan Suruhanjaya Tinggi Republik India ke NBD dalam usaha memperkukuh hubungan akademik serta kebudayaan antara NBD dan Republik India.

Inisiatif berkenaan turut menyokong usaha memperkayakan sumber rujukan perpustakaan bagi dimanfaatkan oleh tenaga akademik, penyelidik serta mahasiswa dan mahasiswi institusi tersebut.

Selain itu, penubuhan sudut berkenaan juga mencerminkan komitmen berterusan KUPU SB dalam memperluaskan jaringan kerjasama bersama komuniti, institusi dan pemegang taruh di peringkat kebangsaan, serantau serta antarabangsa.

Usaha tersebut selaras dengan hasrat KUPU SB untuk terus mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan, konsultasi serta khidmat masyarakat.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

MINDA PEMBACA

Kesedaran awam terhadap bahaya buli

BULI merupakan barah sosial yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat kini, khususnya dalam kalangan pelajar dan remaja. Saban hari, media massa sering melaporkan kes-kes buli, baik secara mental, fizikal, mahupun siber. Fenomena ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia membawa impak buruk kepada masyarakat. Oleh itu, kesedaran awam tentang bahaya buli perlu dipertingkatkan agar isu ini dapat dibanteras sehingga ke akar umbi.

Kesan buli terhadap mangsa tidak oleh dipandang ringan. Mangsa sering mengalami kemurungan, kehilangan keyakinan diri, trauma dan lain-lain. Malah terdapat kes di mana mangsa mencederakan diri akibat tekanan

yang berterusan. Pembuli juga tidak terkecuali daripada kesan negatif kerana mereka berisiko membentuk sikap yang agresif yang boleh membawa kepada tingkah laku negatif pada masa hadapan.

Bagi membendung masalah ini, peranan ibu bapa adalah penting dalam memantau perubahan sikap anak-anak. Ibu bapa perlu menjadi suri teladan yang baik dan memastikan anak-anak mendapat kasih sayang dan perhatian yang secukupnya agar anak-anak tidak takut untuk melapor kepada mereka jika terjadi pembulian. Ibu bapa juga memainkan peranan yang sangat penting dalam mendidik anak-anak tentang nilai empati dan hormat-menghormati agar anak-anak

mereka tidak terjerumus dalam gejala buli serta mampu membina hubungan sosial yang sihat dan positif.

Di peringkat sekolah pula, pihak sekolah harus memperketatkan peraturan dan mengambil tindakan yang sangat tegas terhadap pembuli. Kempen kesedaran yang berterusan, ceramah anti-buli dan program kaunseling boleh dilaksanakan untuk memberi kesedaran kepada pelajar. Pihak sekolah juga perlu menyediakan saluran aduan yang selamat untuk pelajar. Pada masa yang sama, kerajaan menerusi agensi berkaitan seperti pihak polis harus menguatkuasakan undang-undang dengan lebih ketat.

Kesimpulannya, kesedaran awam

terhadap bahaya buli adalah kunci untuk membanteras masalah ini sekali gus pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang harmoni. Semua pihak tidak boleh mengamalkan sikap 'Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing'. Dengan kerjasama semua pihak, kita dapat mewujudkan persekitaran yang lebih selamat dan harmoni untuk semua.

Nama: Nabilah Anisah binti Rashidi
No K/P: 01-140XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'. Tarikh Tutup : 17 Jun 2026
2. 'Peranan Belia dalam Pembangunan Negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026
3. 'Keselamatan Data Peribadi dalam Era Digital'. Tarikh Tutup : 1 Julai 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Bila Wajib Melantik Washi?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PADA kebiasaannya, seseorang yang berkeinginan untuk menginfakkan harta peninggalannya setelah dia meninggal dunia atau memastikan harta yang ditinggalkannya untuk anak-anaknya nanti tidak jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab atau disalah guna oleh pihak-pihak yang tidak amanah, dia akan berwasiat supaya ditunaikan kehendaknya itu dengan melantik seseorang yang dipercayainya atau melantik syarikat pengurus wasiat tertentu untuk menguruskan wasiatnya. Tujuannya ialah untuk memastikan wasiat yang ditinggalkannya itu diuruskan dengan baik dan efisien sesuai kehendaknya.

Perbuatan melantik seseorang untuk melaksanakan wasiat disebut sebagai *al-isha'* (الإيشاء) atau *al-wishayah* (الوصاية). Dalam kitab al-Mu'tamad fi al-Fiqh asy-Syafi'i menyebut *al-isha'* ialah melantik atau mengamanahkan seseorang yang dipercayai sebelum kematiannya untuk menjaga anak-anak yang kecil, melaksanakan wasiat, membayar hutang-hutang, memulangkan barang titipan yang ada padanya dan lain-lain. Ia juga disebut sebagai pelantikan *washi*. *Al-washi* (الوصي) bermaksud pengurus wasiat.

Perbuatan melantik *washi* untuk mengurus wasiat merupakan suatu yang dituntut syara'. Pada asalnya, hukum melantik *washi* adalah sunat akan tetapi dalam keadaan tertentu, hukumnya menjadi wajib. Berikut penjelasan syara' mengenainya.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyatakan dalam kitabnya Minhaj ath-Thalibin bahawa sunat pewasiat melantik *washi* untuk menyelesaikan hutang, melaksanakan wasiat dan menjaga urusan anak-anak kecil selepas kematiannya sebagaimana katanya :

Ertinya : Disunatkan melantik *washi* bagi

melunaskan hutang, melaksanakan wasiat-wasiat dan mengurus urusan anak-anak kecil.

Imam Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya Asna al-Mathalib fi Syarh ar-Raudh pula menyebut :

Ertinya : Dan sewajarnya iaitu disunatkan melantik *washi* untuk menunaikan hak-hak berkaitan hutang-hutang dan barang-barang titipan dan barang-barang pinjaman dan lain-lain serta (melantik *washi*) untuk melaksanakan wasiat-wasiat jika ada dan (melantik *washi* untuk) mengurus anak-anak kecil atau seumpama mereka berdasarkan ijma' dan mencontohi (perbuatan) ulama salaf dan berlumba-lumba dalam perkara-perkara kebaikan.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj dan Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj, sunat melantik *washi* untuk menyelesaikan hutang sama ada hutang tersebut adalah hutang kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* seperti zakat atau hutang kepada sesama manusia. Manakala melantik *washi* untuk menunaikan hak-hak orang lain yang ada padanya seperti mengembalikan barang pinjaman yang masih ditanggungnya atau barang titipan orang lain yang diamanahkan kepadanya hukumnya adalah sunat dalam hal sekiranya terdapat saksi atau keterangan bahawa hak-hak tersebut ada padanya. Begitu juga sunat hukumnya melantik *washi* untuk mengembalikan hak orang lain yang diambilnya secara zalim seperti barang yang dirampas dan sebagainya dalam hal sekiranya terdapat saksi atau keterangan bahawa hak-hak tersebut ada padanya.

Walau bagaimanapun hukum melantik *washi* menjadi wajib dalam keadaan-keadaan berikut :

i. Seseorang yang menanggung hutang atau hak orang lain yang ada padanya itu tidak mampu melunaskan hutang atau mengembalikan hak tersebut pada ketika hidupnya serta tidak ada saksi atau

keterangan bahawa hak-hak tersebut ada padanya. Dalam keadaan ini, wajib ke atasnya melantik *washi* untuk menunaikan hak-hak tersebut.


Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin menyatakan :

Ertinya : Melantik *washi* adalah sunat dalam perkara mengembalikan barang yang diambil secara zalim (kepada pemiliknya), melunaskan hutang-hutang, melaksanakan wasiat-wasiat dan (mengurus) anak-anak kecil. Saya berpendapat: Ia (pelantikan *washi*) pada mengembalikan barang yang diambil secara zalim (kepada pemiliknya) dan melunaskan hutang-hutang yang tidak dapat diselesaikannya ketika itu adalah wajib.

Melantik *washi* dalam hal seperti di atas adalah wajib kerana pelantikan tersebut adalah cara untuk menunaikan kewajipan-kewajipan yang masih tertanggung ke atasnya bagi mengelak daripada dipertanggungjawabkan dan mendapat balasan buruk di akhirat kelak.

Sebagai contoh, sebelum berangkat ke luar negeri, Ali menitipkan kepada Ahmad wang sebanyak \$1,000.00 miliknya tanpa ada saksi atau keterangan mengenainya. Tidak berapa lama kemudian, Ahmad disahkan menghidap penyakit kronik dan dia kluatir kemungkinan penyakit tersebut menyebabkan dia tidak dapat mengembalikan titipan Ali kepadanya kerana tidak ada saksi atau keterangan berupa dokumen yang boleh mengesahkan tentang titipan tersebut. Maka dalam keadaan ini, wajib ke atas Ahmad melantik *washi* mengenainya.

ii. Seorang bapa mempunyai sangkaan yang kuat bahawa sekiranya dia tidak melantik *washi*, penjagaan anak-anaknya yang masih kecil atau anak yang dalam kandungan isterinya akan diambil alih oleh orang yang khianat atau orang yang zalim atau orang yang berbuat aniaya. Dalam keadaan ini, sekiranya tidak ada datuk (bapa kepada bapa) yang layak untuk mengurus penjagaan anak-anaknya setelah dia meninggal dunia, wajib ke atasnya melantik *washi* untuk menjaga dan memelihara harta anak-anaknya daripada hilang kerana diambil atau disalahgunakan



oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfazh al-Minhaj menukil perkataan Imam al-Adzra'ie *Rahimahullah* yang menyebut :

Ertinya : Yang zahir adalah wajib ke atas para bapa berwasiat kepada seseorang yang dipercayai, layak (untuk menjalankan tugas) serta berwibawa dalam penjagaan anak-anaknya sekiranya mereka (anak-anak) tidak mempunyai datuk yang berkelayakan menjadi wali sekiranya dia menemukannya (orang yang dipercayai) dan dia mempunyai sangkaan yang kuat bahawa sekiranya dia tidak berwasiat, hartanya akan dikuasai oleh pengkhianat daripada kalangan qadhi atau selainnya daripada orang-orang zalim kerana menjaga harta anaknya daripada hilang itu adalah wajib ke atasnya.

Begini juga wajib ke atas wali yang mengurus harta orang gila atau harta *safih* (orang yang tidak pandai mengurus harta) melantik *washi* sekiranya dia mempunyai sangkaan yang kuat bahawa harta mereka akan hilang sekiranya dia tidak berwasiat.

Demikian penjelasan mengenai bila wajib melantik *washi*.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAAN ALLAH
كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

AL-QURAN merupakan mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai petunjuk bagi seluruh umat manusia. Ia bukan sekadar kitab suci yang dibaca untuk memperoleh pahala, tetapi juga panduan lengkap yang mengatur setiap aspek kehidupan dari akidah, ibadah, akhlak, hingga muamalat dan perundangan. Al-Quran kekal relevan sepanjang zaman kerana prinsip-prinsipnya yang bersifat universal, melampaui ruang dan waktu. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Al-Quran :

"*Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan paling lurus*".
(Surah Al-Israa', ayat 9)

Ayat ini menunjukkan bahawa Al-Quran adalah petunjuk yang membawa manusia menuju jalan kebenaran dalam setiap urusan kehidupan.

Al-Quran diturunkan bukan hanya untuk bangsa Arab pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, malah ia merupakan petunjuk untuk seluruh manusia di muka bumi ini. Ia menjadi petunjuk (*huda*), rahmat (*rahmah*), dan pembeza antara benar dan yang batil (*furqan*). Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

"*Bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan Al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu serta pembeza antara yang benar dan yang batil*".

Al-Quran : Panduan hidup sepanjang zaman

(Surah Al-Baqarah, ayat 185)

Perkataan *hudan linnas* atau petunjuk bagi manusia menunjukkan bahawa manfaat Al-Quran tidak terbatas kepada sesuatu kaum, tetapi mencakupi seluruh keturunan manusia dari dulu hingga kini; oleh itu, siapa pun yang berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran akan sentiasa berada di jalan yang lurus.

Selain menjadi petunjuk akidah dan ibadah, Al-Quran juga merupakan sumber utama hukum Islam. Ia menetapkan dasar yang lengkap dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk perundangan, etika, dan keadilan sosial. Misalnya, dalam urusan hukum dan keadilan, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

"*Dan hendaklah kamu menetapkan hukum di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah; dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka*".
(Surah Al-Maa'idah, ayat 49)

Ayat ini menegaskan bahawa segala keputusan dan hukum dalam kehidupan umat Islam mestilah berpaksikan wahyu Ilahi, bukan sekadar penilaian akal semata-mata.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menegaskan bahawa Al-Quran merupakan pemisah antara kebenaran dan kesesatan. Dalam sebuah hadis sahih, riwayat Imam Al-Hakim dalam Al-Mustadrak, meriwayatkan daripada Abu Hurairah, Baginda bersabda :

"*Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kamu dua perkara; kamu tidak akan tersesat selama kamu berpegang kepada keduanya : Kitab Allah dan sunnahku*".

Hadis ini menjadi dalil kukuh bahawa panduan hidup seorang Muslim harus

berteraskan dua sumber agung, Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Al-Quran bukan hanya berbicara tentang ibadah semata, tetapi juga menyentuh persoalan ekonomi, sosial, politik dan pendidikan. Ia menjelaskan prinsip keadilan dalam urusan muamalat, menegaskan tanggungjawab terhadap alam sekitar dan mengajarkan nilai-nilai kasih sayang serta kemanusiaan. Sebagai contoh, mengenai keadilan, Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

"*Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang yang benar-benar menegakkan keadilan, menjadi saksi kerana Allah sekalipun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu*".
(Surah An-Nisa', ayat 135)

Ayat ini menggambarkan betapa Islam menekankan nilai integriti dan keadilan sosial yang tidak bergantung pada pangkat atau bangsa.

Salah satu keistimewaan Al-Quran ialah keabadian mesejnya yang kekal sepanjang zaman. Walaupun diturunkan lebih 1,400 tahun yang lalu, isi kandungannya tetap relevan dengan kehidupan realiti masa kini. Ilmu sains, teknologi, dan kemajuan manusia tidak pernah menafikan kebenaran Al-Quran, malah, banyak penemuan saintifik mengukuhkan petunjuknya. Allah Subhanahu Wata'ala menegaskan dalam firman-Nya :

"*Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segenap ufuk dan pada diri mereka sendiri, hingga jelas bagi mereka bahawa Al-Quran itu adalah benar*".

(Surah Fushshilat, ayat 53)

Ini membuktikan bahawa semakin manusia maju dan berfikir, semakin mereka akan menyedari kebesaran kebenaran wahyu.

Justeru sebagai umat Islam, kita tidak boleh sekadar membacanya tanpa memahami dan mengamalkan kandungannya. Al-Quran mesti menjadi dasar kehidupan yang dibaca, difahami, diamalkan, dan disebarkan. Imam Al-Bukhari dalam sahihnya meriwayatkan daripada 'Utsman bin 'Affan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"*Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar Al-Quran dan mengajarkannya*".

Hadis ini menunjukkan bahawa nilai seseorang di sisi Allah bukan hanya ditentukan oleh pengetahuannya, tetapi sejauh mana dia berinteraksi dengan Al-Quran serta menyalurkan ilmunya kepada orang lain.

Kesimpulannya, Al-Quran adalah panduan hidup yang kekal sepanjang zaman. Ia bukan sahaja membimbing manusia menuju kebahagiaan dunia, tetapi juga keselamatan akhirat. Sesiapa yang menjadikan Al-Quran sebagai 'manual kehidupan', maka dia akan memperoleh ketenangan, keadilan, dan keberkatan yang abadi, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala :

"*Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai*".
(Surah Aali 'Imraan, ayat 103)

Sesungguhnya pegangan Al-Quran dan sunnah adalah petunjuk kebenaran dan jalan lurus yang menyelamatkan umat manusia di dunia dan akhirat.



KEDUTAAN Diraja Thailand semasa menganjurkan Kelas Memasak bersama warga UNIKLEARN, An-Nur Harapan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Suthida Bajrasudhabimalalakshana (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Kedutaan Diraja Thailand menganjurkan satu aktiviti Kelas Memasak bersama warga UNIKLEARN, An-Nur Harapan bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Suthida Bajrasudhabimalalakshana bertempat di Pusat An-Nur Harapan, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir menyertai aktiviti berkenaan, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon bersama isteri, Puan Thanamas Chalermnon serta

pegawai-pegawai dari Kedutaan Diraja Thailand.

Pada majlis berkenaan, Cef Tanaporn Toemkoa dari Kedutaan Diraja Thailand menampilkan demonstrasi penyediaan pencuci mulut tradisional Thailand, iaitu Luk Chup (marzipan kacang hijau berbentuk buah-buahan) kepada para pelatih dan kakitangan UNIKLEARN.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan, Tuan Yang Terutama Akrapong Chalermnon menjelaskan, ia merupakan aktiviti sukarelawan pertama yang dianjurkan sejak dilantik sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke negara ini pada awal

KEDUTAAN DIRAJA THAILAND ANJUR AKTIVITI KELAS MEMASAK

tahun ini.

Program Sukarelawan Diraja yang diasaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Thailand terang Tuan Yang Terutama, ditubuhkan sebagai penghormatan kepada mendiang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej The Great dan permaisurinya, mendiang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Ratu Sirikit, The Queen Mother, sebagai mengiktiraf dedikasi serta sumbangan mereka sepanjang hayat kepada rakyat dan negara Thailand.

Di barisan hadapan gerakan kesukarelawanan berkenaan tambah TYT lagi ialah Duli Yang Teramat Mulia Puteri Bajrakitiyabha Narendiradebyavati Kromluangrajasarinisiribajra Mahavajrarajadhita, yang telah mangkat pada 11 Jun 2026, dan mendiang juga mengikuti jejak langkah datuk dan neneknya serta menjadi contoh utama semangat kesukarelawanan yang sejati.

Jelas TYT lagi, siri kelas masakan Kedutaan Diraja Thailand telah dilaksanakan bersama UNIKLEARN sejak Ogos 2023 atas inisiatif mantan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke NBD, Puan Yang Terutama Boosara Kanchanalai.

Edisi kelima kelas masakan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



Kedutaan Diraja Thailand ini tambah TYT, menandakan kesinambungan tradisi yang bermakna dan TYT berbesar hati untuk meneruskan kerjasama berkenaan demi manfaat para pelatih serta memperkukuh persahabatan yang berkekalan antara kedua-dua belah pihak.

"Pada hari ini, saya dengan sukacitanya memperkenalkan Cef Tanaporn Toemkoa, atau lebih dikenali sebagai Cef Kik dari Kedutaan Diraja Thailand yang

akan mengendalikan sesi amali pembuatan Luk Chup, iaitu pencuci mulut tradisional Kedutaan Diraja Thailand yang diperbuat daripada pes kacang hijau dan dibentuk menyerupai buah-buahan.

"Kami berharap aktiviti yang berwarna-warni ini akan membawa kegembiraan, merangsang kreativiti serta mencipta kenangan yang indah kepada semua pelatih dan kakitangan An-Nur Harapan," ujar TYT lagi mengakhiri ucapannya.

SU Antarabangsa Brunei adakan Majlis Khatam Al-Quran



HALUAN

>> Muka 2

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik seterusnya menjunjung perkenan Kebawah Duli Tuan Patik untuk menyembahkan ucapan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya atas keberangkatan paduka-paduka anakaanda Kebawah Duli Tuan Patik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Kebawah Duli Tuan Patik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Ucapan menjunjung kasih dan terima kasih di atas keberangkatan dan kehadiran Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat, Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri serta dif-dif dan para hadirin dan hadirat sekalian.

Demikian juga hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa dan segenap tenaga kerja yang sama-sama menyumbang pada menjayakan dan menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Masjid Jubli Intan pada pagi ini. Di akhir kesempatan ini, hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan menyusun jari sepuluh jua menjunjung ampun beribu-ribu ampun Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik sekiranya terdapat sorok langkah yang kurang manis dan tertib dan apa jua kekurangan dan kekhilafan yang tidak *abis* hamba Kebawah Duli Tuan Patik sengajakan dalam menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dan ahli-ahli kerabat Kebawah Duli Tuan Patik, dan menyempurnakan majlis pada pagi ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

GADONG, Selasa, 16 Jun. - Dalam usaha menyemarakkan budaya membaca Al-Quran serta melahirkan generasi celik Al-Quran yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, amalan membaca Al-Quran diterapkan kepada murid-murid sejak awal persekolahan agama sehingga mereka berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran pada peringkat Darjah VI dan seterusnya diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran.

Pada petang tadi, Sekolah Agama Antarabangsa Brunei telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 43 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan Al-Quran. Majlis tersebut telah diadakan di salah sebuah hotel di Gadong.

Daripada jumlah tersebut, seramai 20 orang merupakan murid lelaki, manakala 23 orang lagi ialah murid perempuan. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat

Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (atas), manakala gambar atas kiri, Sekolah Agama Antarabangsa Brunei semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 43 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan Al-Quran yang diadakan di salah sebuah hotel di Gadong.

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Sheikh Haji Abdul Salam.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam. Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam yang dipimpin oleh Awang Mohammad Aniq Syahmi bin Mohamad Zambri.

Seterusnya, penyampaian sijil kepada para peserta khatam telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Acara turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Muhammad Nuzul Haqimie bin

Junaidi.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah agama memainkan peranan penting dalam membudayakan pembacaan Al-Quran dalam kalangan generasi muda selaras dengan aspirasi Negara Zikir.

Selain menjadi wadah untuk menggalakkan kecintaan terhadap Al-Quran, majlis seumpama ini juga mencerminkan komitmen Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Uagama dalam memartabatkan nilai-nilai Islam serta memperkukuhkan penghayatannya dalam kehidupan seharian masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

MEMBARIGAKAN MAKLUMAT ISU SEMASA, DASAR KERAJAAN



TIMBALAN Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka bersama Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok, Daerah Temburong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Daerah Temburong (atas dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TEMBURONG, Selasa, 16 Jun. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan serta pada masa yang sama menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong, Bahagian Komunikasi Strategik mengadakan Program Sua Muka bersama

Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok, Daerah Temburong bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Daerah Temburong, hari ini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan ialah Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini. Manakala bagi pihak Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Lepong Baru, Awang Ambol anak



Bakht.

Program dimulakan dengan kata-kata aluan daripada ketua rombongan, yang menyentuh mengenai hasrat jabatan agar program ini menjadi salah satu landasan komunikasi antara kerajaan dan rakyat.

Ketua rombongan juga menyeru untuk sama-sama mendukung hasrat dan aspirasi kerajaan dalam meningkatkan lagi penyertaan peringkat akar umbi sebagai salah satu strategi Whole of Nation Approach dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Program juga diisikan dengan

penyampaian maklumat kepada penduduk-penduduk kampung daripada Jabatan Penerangan mengenai 'Penyebaran Maklumat Palsu', Jabatan Tenaga mengenai 'Tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable energy)' dan daripada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) mengenai 'BruneiID'.

Program turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan, yang antaranya berkaitan dengan keselamatan, pengurusan kebajikan dan kemudahan awam.



PROGRAM turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung.

MoU memacu pembangunan kapasiti teknologi, pembinaan ekosistem inovasi

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



MOU tersebut ditandatangani oleh Awang Qawiem Yacob bagi pihak Brunei Innovation Lab (BIL) dan Peng Choo bagi pihak STEMSEL Foundation Inc.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Jun. - Brunei Innovation Lab (BIL) hari ini memeterai satu perkongsian strategik dengan STEMSEL Foundation Inc. dari Australia menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), yang menandakan satu pencapaian penting dalam memperkukuh pembangunan kapasiti teknologi, pembinaan ekosistem inovasi dan pemupukan bakat digital di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis yang diadakan di bangunan BIL, Knowledge Hub (KHub), Anggerik Desa itu menghimpunkan wakil kerajaan, pendidik, rakan ekosistem, pihak berkepentingan industri serta pengamal inovasi bagi menyaksikan kerjasama antara kedua-dua organisasi tersebut.

MoU tersebut ditandatangani oleh Awang Qawiem Yacob bagi pihak BIL dan Peng Choo bagi pihak STEMSEL Foundation Inc.

Perkongsian ini bertujuan mempercepatkan pembangunan kemahiran masa hadapan melalui program latihan jurulatih (Train-the-Trainer), inisiatif pendidikan teknologi serta pelaksanaan platform pembelajaran AI-IoT RUNLINC di NBD.

Semasa majlis berkenaan, Pengerusi BIL menekankan kepentingan membangunkan bakat tempatan dan memperkukuh ekosistem inovasi NBD.

Beliau menyatakan bahawa kerjasama ini menyokong tumpuan BIL terhadap pembangunan syarikat pemula (*startup*) dan pemupukan bakat.

Beliau turut menegaskan nilai pendekatan pembelajaran praktikal dan berasaskan pengalaman yang membolehkan individu menerjemahkan idea kepada penyelesaian serta prototaip yang nyata, di samping membina keupayaan tempatan secara mampan melalui model latihan jurulatih.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif STEMSEL Foundation Inc. menekankan kepentingan memupuk pemikiran yang bersedia menghadapi masa depan serta menerima perubahan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

Beliau menjelaskan bahawa platform RUNLINC menyediakan maklum balas segera dan pengalaman pembelajaran praktikal kepada peserta, sekali gus membantu mempercepatkan pembangunan kemahiran serta memupuk daya penyesuaian, pemikiran kritis dan inovasi.

Ketua Pegawai Teknologi, Miroslav Kostecki turut mengetengahkan potensi ekonomi dan industri yang lebih luas hasil penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dan Internet

Kebendaan (Internet of Things - IoT), khususnya dalam menyokong inovasi, keusahawanan, pertanian, pembuatan dan aplikasi industri pintar.

Beliau berkata bahawa alat pembangunan berasaskan AI seperti RUNLINC mampu mengurangkan halangan kepada inovasi, mengurangkan kos pembangunan prototaip serta membolehkan syarikat pemula niaga dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) membangunkan

serta melaksanakan penyelesaian teknologi dengan lebih pantas.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, para jemputan berpeluang menyaksikan demonstrasi platform RUNLINC, melihat pameran projek yang dibangunkan melalui program STEMSEL serta berinteraksi secara langsung dengan rakan ekosistem dan pendidik mengenai peluang baharu dalam bidang AI, IoT, robotik dan inovasi digital.

Sejurus selesai, para jemputan juga berpeluang menyaksikan pameran yang menampilkan projek-projek yang dibangunkan oleh peserta Bengkel BIL 102: Bootcamp Sistem Pemantauan Pintar (AI dan IoT), yang dikendalikan oleh STEMSEL Foundation Inc.

Pameran tersebut memperlihatkan hasil praktikal program latihan berkenaan, dengan para peserta membentangkan penyelesaian pemantauan pintar dan prototaip berfungsi yang dibangunkan sepanjang *bootcamp* tiga hari itu.

Projek-projek yang dipamerkan merangkumi bidang seperti pemantauan alam sekitar, pertanian, akuakultur, sistem keselamatan dan automasi, sekali gus menonjolkan potensi teknologi AI dan IoT dalam menangani cabaran tempatan serta menghasilkan penyelesaian inovatif untuk industri dan masyarakat.

BIL berperanan sebagai platform nasional yang didedikasikan untuk membangunkan syarikat pemula niaga dan usahawan teknologi, menghubungkan cabaran industri dengan para inovator serta



AWANG Qawiem Yacob semasa berucap pada majlis berkenaan.

menyokong pembangunan bakat teknologi tempatan melalui program yang merangkumi penjaan idea, pembangunan prototaip dan pengkomersialan.

STEMSEL Foundation Inc. pula merupakan organisasi pendidikan dan teknologi dari Australia yang memberi tumpuan kepada penyelesaian pembelajaran AI-IoT, pembangunan kemahiran digital dan pengukuhan kapasiti ekosistem inovasi melalui platform RUNLINC serta teknologi pembelajaran modular.

Perkongsian ini mencerminkan komitmen bersama dalam memajukan pendidikan teknologi, memupuk pertumbuhan yang dipacu inovasi serta mewujudkan peluang kepada generasi akan datang untuk menyumbang secara bermakna kepada perjalanan transformasi digital NBD.

Majlis Khatam Al-Quran raikan murid Darjah VI



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran gabungan Sekolah Agama Kampung Bolkiah dan Sekolah Agama Putat yang diadakan di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A' (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Dalam usaha melahirkan generasi celik Al-Quran serta membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai amalan harian ke arah merealisasikan hasrat 'Negara Zikir', beberapa buah sekolah agama telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan murid-murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran, petang tadi.

Majlis Khatam Al-Quran gabungan Sekolah Agama Kampung Bolkiah dan Sekolah Agama Putat telah diadakan di Masjid Yayasan Sultan Haji

Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A', bagi meraikan seramai 24 murid yang berjaya mengkhatamkan Al-Quran.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Azman bin Haji Jaya dan juga turut memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Majlis diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim, Doa Khatam Al-Quran serta persembahan dikir.



Acara kemudian disusuli dengan penyampaian Sijil Khatam kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sementara itu, Majlis Khatam Al-Quran Murid-Murid Darjah VI turut diadakan di Sekolah Agama Batu Marang di Bilik As-Salam sekolah berkenaan bagi meraikan seramai 14 murid yang berjaya mengkhatamkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Kampung Batu Marang, Mukim Mentiri, Awang Muhammad Nor Andy bin Haji Mohd. Said yang juga memimpin bacaan Surah Al-Fatihah dan menyempurnakan penyampaian

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

seterusnya menyempurnakan penyampaian Sijil Khatam kepada para peserta.

Dalam masa yang sama, Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sungai Akar turut mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 99 murid yang berjaya menamatkan bacaan Al-Quran.

Majlis yang diadakan di dewan sekolah berkenaan dihadiri oleh Ketua Unit Maklumat, Perangkaan dan Hal Ehwal Pelajar, JPI, KHEU, Dayang Norliyani binti Haji Ahmad. Beliau turut memimpin bacaan Surah Al-Fatihah dan menyempurnakan penyampaian

Sijil Khatam kepada para peserta yang diraikan.

Penganjuran majlis-majlis seumpama ini diharap dapat menyemai kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan murid serta mendorong mereka untuk terus menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup dan pegangan sepanjang hayat.

Di samping itu, majlis ini turut mencerminkan komitmen berterusan JPI, KHEU dalam memperkukuhkan syiar Islam dan melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak serta berpegang teguh kepada ajaran Islam di Negara Brunei Darussalam.

BASIT HASSAN RAIH KEJAYAAN PADA KEJOHANAN CEF DUNIA PERINGKAT ANTARABANGSA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Ihsan Abdul Basit Alhassan Dato Paduka Haji Awang Mohammad Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Cef muda negara, Awang Abdul Basit Alhassan bin Dato Paduka Haji Awang Mohammad Hassan, baru-baru ini telah mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih pelbagai kejayaan cemerlang dalam Kejohanan Cef Dunia Peringkat Antarabangsa 2026 (World Chef Championship 2026) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia dari 21 hingga 23 Mei 2026 lalu.

Lebih dikenali sebagai Basit Hassan, berusia 23 tahun, kini bertugas di Amanah Shar dan

telah berkecimpung dalam industri kuliner selama tiga tahun. Beliau telah berjaya membawa pulang lapan pingat selain dinobatkan sebagai penerima World Outstanding Chef Award (tempat kedua).

Pencapaiannya merangkumi satu pingat gangsa, satu pingat perak, empat pingat emas dan dua pingat Excellent Gold.

Lebih membanggakan lagi, kejayaan yang diraih oleh pasukan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada tahun ini turut menyaksikan negara mencipta rekod baharu menerusi jumlah keseluruhan pingat yang berjaya dikumpul pada kejohanan

berprestij berkenaan.

Dalam pertandingan berkenaan, Basit Hassan menyertai lapan kategori, iaitu Kategori Appetizer Display, Kategori Beef Steak Western, Kategori Burger Malaysia dan Singapura, Kategori Kuih Melayu Tradisional, Kategori Kerabu, Kategori Nasi Goreng, Kategori Lamb Chop dan Kategori Pasta Challenge.

Bagi Kategori Appetizer, beliau mempersembahkan hidangan berasaskan asparagus yang digandingkan dengan puri asparagus serta Salmon Crudo bersama Truffle Dashi. Hidangan berkenaan berjaya meraih pingat gangsa.

Sementara itu, hidangan Beef Steak Western telah menghadihkan pingat perak, manakala Kategori Burger Malaysia dan Singapura pula membolehkannya meraih pingat emas.

Basit Hassan turut memperoleh pingat emas menerusi Kategori Kueh Melayu Tradisional melalui penyediaan kuih lenggang yang menampilkan cita rasa tradisional Melayu.

Kreativiti beliau terus terserlah dalam hidangan Nasi Goreng apabila menggunakan udang

AWANG Abdul Basit Alhassan bin Dato Paduka Haji Awang Mohammad Hassan berjaya meraih pelbagai kejayaan cemerlang dalam Kejohanan Cef Dunia Peringkat Antarabangsa 2026.



galah tempatan NBD sebagai bahan utama, sekali gus membolehkan beliau membawa pulang satu lagi pingat emas.

Dalam Kategori Kerabu pula, Basit Hassan menghasilkan hidangan menggunakan rebung buluh dan memilih untuk tidak menggunakan belacan. Meskipun tampil dengan pendekatan berbeza, hidangan berkenaan tetap berjaya memikat hati juri dan dianugerahkan pingat emas.

Dua pencapaian tertinggi beliau diperoleh menerusi Kategori Lamb Chop dan Kategori Pasta Challenge yang masing-masing menerima anugerah Excellent Gold. Untuk hidangan Lamb Chop, beliau memilih sendiri rak kambing yang mempunyai *marbling* lemak berkualiti bagi memastikan rasa dan tekstur terbaik.

Bagi Kategori Pasta Challenge pula, beliau menyediakan pasta segar yang dibuat sepenuhnya di

lokasi pertandingan serta dipadankan dengan sos *lobster bisque* yang dimasak dari awal.

Menurut Basit Hassan, kejayaan berkenaan bukan sesuatu yang mudah dicapai kerana beliau dan pasukan terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran termasuk jadual yang padat, kekurangan waktu rehat serta tekanan tinggi sepanjang pertandingan berlangsung.

"Dengan malam-malam tanpa tidur yang mencukupi dan lima hari yang begitu mencabar, Alhamdulillah kami sebagai satu pasukan berjaya mencapai keputusan yang membanggakan serta memecahkan rekod pencapaian NBD," katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh pasukan yang telah memberikan peluang dan kepercayaan kepadanya untuk menyertai pertandingan berkenaan, selain menghargai pengalaman serta ilmu yang diperoleh bersama rakan-rakan cef sepanjang kejohanan berlangsung.

Mengakhiri perkongsian, Basit Hassan menyatakan bahawa beliau dan pasukannya kini sedang membuat persiapan bagi menghadapi pertandingan seterusnya yang akan berlangsung dalam masa terdekat.

"Kami akan terus membawa semangat dan moto 'Brunei Yakin' dalam setiap pertandingan yang disertai demi mengharumkan nama negara di persada antarabangsa," ujarnya lagi.



AWANG Abdul Basit Alhassan semasa menyertai pertandingan.


**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
RTB / 03 / 2026

Tajuk Tawaran:
Design, Supply, Delivery,
Install, Testing, Commissioning &
Training Of New DVB-T2
TRANSMITTERS AND
Remote Monitoring &
Control Equipment For
RTB Andulau Station

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
7 Julai 2026,
Selasa,
2.00 petang



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 51 / 26 - 27
External Wall Painting Works
At RTB CfBD Block,
Madang

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang



1. Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 48 / 26-27
Replacement Of Transit Tank
At RTB Sungai Akar
Broadcasting Complex

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang


1. Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 45 / 26-27
Contract For Cleaning Services
At The Secretariat Building,
Radio Television Brunei,
Bandar Seri Begawan
For A Period Of
Eleven (11) Months

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang


Tajuk Sebut Harga:

1. RTB / K / 43 / 26 - 27
Supply And Delivery Of Drone And
Accessories For Unit Drone

2. RTB / K / 44 / 26 - 27
Supply And Delivery Of
Broadcast Camera And
Accessories For EFP

**Bayaran Yuran
(Termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
Jam 2.00 petang


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Provision Of
Six (6) Months Maintenance
Services Of Airport Network
Equipment System For
Terminal Building
At Brunei International Airport
TERMINAL / 2026-2027 / SH-04

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
15 Jun 2026,
Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
30 Jun 2026,
Selasa

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
1 Julai 2026,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 petang)


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Sebut Harga:
JDB / QSTOR / AT / 2026

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Membekalkan
Peralatan Tulis Pejabat Selama
Satu (1) Tahun Bagi
Jabatan Daerah Belait

2. Bilangan Sebut Harga:
JDB / QSTOR / AK / 2026

Nama Sebut Harga:
Sebut Harga Membekalkan
Peralatan Kebersihan Pejabat
Selama Satu (1) Tahun
Bagi Jabatan Daerah Belait

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 petang


**JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
13 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Supply, Delivery And Installation
Of Solar Flood Light At
Gerai Tudung Saji,
Jalan Setia Diraja, Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
IV sahaja

Kategori:
B01 & KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM010 / 2026

Bil. Projek
2026DBSBM / JUB.01

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih Atap
Dan Siling Bagi Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam



Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
III sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM011 / 2026

Bil. Projek:
2026DBSBM / KKBS.02

Nama Projek:
Kerja-Kerja Mencat Keseluruhan
Dinding Luar Bangunan Muzium
Alat Kebesaran Diraja,
Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 petang



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 147 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 148 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 149 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 150 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 151 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 152 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 153 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years



Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 154 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 155 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 156 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 157 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 158 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 159 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 160 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 161 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 162 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 157 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 158 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 159 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 160 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
DRG / 161 / 2026 / PHARM(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat 7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2026

Tajuk Sebut Harga:
To Design, Supply And Install HDPE Seawater Intake Pipeline Extension With Anchoring System, Including Integration To Existing Intake At Meragang Site

Tarikh Tutup:
Khamis, 25 Jun 2026



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Sebut Harga:
04 / MFA-ICC-Q / 2026-27

Tajuk Sebut Harga:
Landscape Maintenance Services For International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs For A Period Of Three (3) Months.

Bayaran Yuran Dokumen:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Isnin,
29 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran :
06 / 2026 / PPB / KKBS / 01

Tajuk Tawaran :
Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Bagi Membekal, Menghantar, Menyajikan Makanan Dan Minuman Bagi Pelatih-Pelatih Sesi Pengambilan 2026 Sehingga 2029 Serta Menyediakan Sajian Lawatan Dan Majlis Di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026



**PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI**

IKLAN dalam salinan liut (soft copy) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN
/ 2 / 2026 – 2027

Tajuk Sebut Harga:
Membekalkan Plak Cenderahati
Kenangan Bagi Pesara-Pesara
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan Serta
Jabatan-Jabatan Di Bawahnya
Pada Tahun 2025

**Tarikh Buka
Sebut Harga:**
Isnin, 25 Mei 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
18 Jun 2026
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat
(Jika Berkenaan):**
Bermula 25 Mei 2026 Khamis
Jam Semasa waktu bekerja
*Jika terlepas tarikh taklimat
boleh hubungi 2382136
sambungan 2408
(Unit Hal Ehwal Kakitangan
dan Korporat)

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 002 / SH2576 / 2026-2027
To Supply And Deliver Camping
Equipment (Bahagian Pengurusan
Dan Pembangunan Sumber
Hutan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
25 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01
To Supply and Installation
of Tires for Fire Trucks BG 4985
(F1) Department of Civil Aviation
AME / 2026 – 2027 / SH-24
(kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 02
Term Contract For Maintenance
Main UPS Power System For One
(1) Year At Terminal Brunei
International Airport
AME / 2026 – 2027 / SH-25
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan/Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
10 Jun 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 Jun 2026,
Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 24 Jun 2026


**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**
06 / 2026 / 2027
The Demolition, Removal &
Dismantling Of Buildings And
Structure For Department Of Town
And Country Planning, Ministry Of
Development, Negara Brunei
Darussalam

Yuran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Isnin, 6 Julai 2026
Sebelum jam 2.00 Petang


**JABATAN ADAT
ISTIADAT NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JAIN / 11 / 2011 – 2026
Membekalkan Lambang Kerusi
Peribadi Kerabat Diraja Jabatan
Adat Istiadat Negara

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JAIN / 8 / 2001 / II
- (01/2026)
Pembaikan Pencetak
Lexmark CS923DE
Jabatan Adat Istiadat Negara

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JAIN / 8 / 2001 / II
Pembekalan Barangan
Pencetak Lexmark Jabatan
Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
23 Jun 2026
Jam 9.00 Pagi

**Tempat Menghantar
Sebut Harga:**
Peti Sebut Harga,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan BA8610,
Negara Brunei Darussalam.


JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
JPM / PT / 4 / 2026 – 2028
Membekalkan Pakaian Seragam
Pemandu-Pemandu Jabatan
Perdana Menteri

Tarikh Tutup Tawaran:
1 Julai 2026
Jam 12.00 Tengah Hari


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 /
NAU / AF / TA / 1002
Pembelian Cargo Net And
Internal Net Bagi Kegunaan
Tentera Udara Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah dua
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu

**Selasa,
7 Julai 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
21 Julai 2026
Sebelum 2.00 Petang


**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 42 / 26 – 27
Penyewaan Skrin
Led Rancangan
“Sayembara Bermukun
Purih Berunai 2026”

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas/ (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Jun 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU /
TL / TA / 6008
Pembelian Pangkat Slip On,
Epaulette Dan Patches Bagi
Kegunaan Baju Uniform Pegawai
Dan Anggota Tentera Laut
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah satu
(1) minggu sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
30 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
12 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Removal Of Litter And
Majlis Ramah Mesra Rakyat
At Padang Bandaran And
Dewan Persidangan Kuala Belait
In Conjunction With
The 80th Birthday Celebrations
Of His Majesty The Sultan
and Yang Di-Pertuan
Of Brunei Darussalam,
2026.
(12/BBS/SH/2026-2027)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN KOMUNITI MENGHADAPI KECEMASAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. — Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Bahagian Komunikasi Korporat, Cawangan Operasi 'C' baru-baru ini telah menyertai Kempen Kebersihan sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2026 yang diadakan di Jalan 99, Simpang 165, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A', dengan melibatkan lebih 60 penduduk kampung.

Program yang turut dihadiri oleh Penghulu Mukim Gadong 'A', ketua-ketua kampung dan Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai keselamatan kebakaran serta memperkukuh kesiapsiagaan

komuniti menghadapi kecemasan.

Dalam program berkenaan, JBP telah menyampaikan taklimat keselamatan kebakaran dan mengendalikan demonstrasi penggunaan peralatan kebombaian seperti hos, nozzle, key dan bar bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran peserta dalam tindakan awal mengawal kebakaran sebelum pasukan bomba tiba.

Para peserta turut diberikan penerangan mengenai langkah-langkah pencegahan kebakaran ketika cuaca panas dan tidak menentu, termasuk mengelakkan pembakaran terbuka serta memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih daripada bahan mudah terbakar bagi mengurangkan risiko

kebakaran hutan dan rumput.

Program berkenaan merupakan kesinambungan kepada Program Lifesaver 995 yang telah dilaksanakan pada 4 Mei 2026 melibatkan para peserta Akar Umbi Mukim Gadong 'A', dalam usaha memperkasa masyarakat sebagai rakan strategik jabatan dalam aspek keselamatan dan tindak balas kecemasan.

Sebagai menyokong usaha berkenaan, satu set kelengkapan kebombaian telah diserahkan kepada wakil ahli peserta Akar Umbi Mukim Gadong 'A' semasa Sambutan Ulang Tahun JBP Ke-66 yang lalu bagi memperkukuh kesiapsiagaan komuniti menghadapi sebarang insiden kecemasan.

Inisiatif berterusan berkenaan



ANTARA yang menyertai Kempen Kebersihan sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2026 yang diadakan di Jalan 99, Simpang 165, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong 'A' (atas dan bawah kiri).

selaras dengan pendekatan Whole of Nation yang menekankan kerjasama antara agensi kerajaan dan masyarakat dalam

mewujudkan komuniti yang lebih selamat, berdaya tahan dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan kecemasan.



Menimba pengetahuan aktiviti pertanian, perusahaan tempatan

Oleh : Siti Rokiah Abdullah

Foto : Ihsan Biro Wanita Majlis Perundingan Kampung Tungku dan Katok

TUNGKU, Isnin, 15 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku dan Katok melalui Biro Wanita telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Ladang Ubi milik Syarikat Perniagaan Hajah Arnie Haji Ali di kawasan Lumapas baru-baru ini, sebagai salah satu aktiviti kemasyarakatan yang bermanfaat dalam mengukuhkan silaturahim dan memperkasa pengetahuan ahli-ahlinya.

Lawatan berkenaan disertai oleh seramai 50 orang terdiri daripada Ahli-ahli MPK, Ahli Biro Wanita serta ahli keluarga masing-masing.

Rombongan lawatan telah diketuai oleh Ketua Kampung Tungku dan Katok, Awang Ahmad Khairi bin Haji Hassan.

Antara tujuan utama lawatan berkenaan diadakan adalah bagi meningkatkan ikatan ukhuwah dan kerjasama dalam kalangan Ahli-ahli Biro Wanita di samping memberi peluang kepada peserta untuk menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman secara langsung mengenai aktiviti pertanian dan perusahaan tempatan.

Melalui aktiviti seumpamanya mampu memupuk semangat bekerjasama, mempererat hubungan kemasyarakatan serta menggalakkan penglibatan aktif ahli-ahli kampung dalam aktiviti yang berfaedah dan berorientasikan pembangunan komuniti.



MELALUI aktiviti seumpamanya mampu memupuk semangat bekerjasama, mempererat hubungan kemasyarakatan serta menggalakkan penglibatan aktif ahli-ahli kampung dalam aktiviti yang berfaedah dan berorientasikan pembangunan komuniti.




Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sardin Tarung Masam Kampung Bukit Sulang

BAHAN-BAHANNYA :

Sardin 1 tin
Terung masam 1 biji
Bawang merah
Bawang putih
Lada padi

Lada besar
2 keping asam kulit
Garam secukupnya

CARA-CARA MEMASAKNYA :

Tumis bawang merah, bawang

putih sehingga wangi, kemudian masukkan sardin, lada, asam kulit dan sedikit air, tunggu hingga mendidih kemudian masukkan terung masam, masak sehingga masak dan beri garam secukupnya, siap.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 8 Jun, 1966.

Muka 3.

Peraduan Bachaan Al-Koran Dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Daerah Tutong Memperolehi Sambutan

TUTONG. — Seramai 16 orang murid2 lelaki dan perempuan dari Sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong telah di-pilih untuk mengambil bahagian dalam peraduan Membacha Al-Koran dan Sharahan Murid2 Sekolah2 Ugama Sa-Negeri Brunei.

Peraduan Bachaan Al-Koran dan sharahan tersebut telah di-adakan di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada petang hari Juma'at 3 Jun dan telah tamat pada malam hari tersebut dengan memperolehi sambutan.

Keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

Peraduan Bachaan Al-Koran, Bahagian Murid2 Lelaki: Pertama — Awang Mustafa bin Sidek dari Sekolah Ugama Keriam; Kedua — Awang Tinggal bin Lemudin dari Sekolah Ugama Sengkuring; Ketiga — Awang Sarbini bin Abidin dari Sekolah Ugama Layong dan Ke-empat — Awangku Yatim bin Pengiran Othman dari Sekolah Ugama Kiudang.

Peraduan Bachaan Al-Koran, Bahagian Murid2 Perempuan: Pertama — Dayang Masniah binte Haji Abdi Manaf dari Sekolah Ugama Layong; Kedua — Dayang Sidekiah binte Jali dari Sekolah Ugama Kiudang; Ketiga — Dayang Siti binte Tahir dari Sekolah Ugama Keriam dan Ke-empat — Dayang Hamidah binte Abdul Hamid dari Sekolah Ugama Sengkuring.

Peraduan Sharahan, Bahagian Murid2 Lelaki: Pertama — Awang Mahali bin Abdul Rahman dari Sekolah Ugama Keriam; Kedua — Awang Salleh bin Ani dari Sekolah Ugama Lamunin; Ketiga — Awangku Ridzuan bin Pengiran Abbas dari Sekolah Ugama Sengkuring; Ke-empat — Awang Shukor bin Jemuddin dari Sekolah Ugama Sinaut.

Peraduan Sharahan, Bahagian Murid2 Perempuan: Pertama — Dayang Jamaliah binte Haji Abdul Hamid dari Sekolah Ugama Muda Hashim; Kedua — Dayang Hasnah binte Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman dari Sekolah Ugama Sengkuring; Ketiga — Dayang Aminah binte Libut dari Sekolah Ugama Keriam; Ke-empat — Dayang Jainah binte Lati dari Sekolah Ugama Birau.

Sekolah2 Ugama Bahagian Tutong Satu telah memenangi hadiah2 Kejohanan Bahagian2 Bachaan Al-Koran dan Sharahan.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan2 tersebut telah di-sampaikan oleh Isteri Yang Mulia Pengiran Othman bin

Pengiran Anak Md. Salleh, Pegawai Daerah Tutong bertempat di-Asrama Sekolah Melayu Muda Hashim pada malam tersebut.

Sa-lepas itu Badan Penerangan, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei telah mengadakan satu pertunjukan wayang gambar dan majlis sharahan di-Padang Asrama sekolah tersebut.

TAYANGAN FILEM PERADUAN BACHAAN AL-KORAN ANTARA BANGSA

Di-antara filem2 yang ditayangkan itu ia-lah sa-buah filem mengenai Peraduan Bachaan Al-Koran Antara Bangsa yang telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada tahun lalu.

Persatuan "INSAP" Di-Lahirkan Baru2 Ini

KAMPONG SETIA PAHLAWAN. — Belia2 yang tinggal di-Kampung Setia Pahlawan, Kampong Ayer, Brunei, telah menu-
bohkan sa-buah persatuan baru2 ini.

Persatuan tersebut ia-lah Persatuan Ikatan Setia Pahlawan dan nama rengkas-nya ia-lah "INSAP".

Pendaftaran persatuan tersebut telah pun di-luluskan oleh Kerajaan pada 19 Mei, 1966.

Sementara itu, Setia Usaha Jawatan Kuasa Penubohan "INSAP", Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit berkata bahawa sebagaimana belia2 di-Kampung2 lain di-negeri ini, maka belia2 di-Kampung Setia Pahlawan Brunei, juga tidak mahu ketinggalan di-dalam bidang kemasharakatan dan lain2-nya sa-um-pama itu.

Belia2 di-Kampung Setia Pahlawan sedar akan penting-nya hidup dalam masyarakat yang sedang membangun ini, kata Awangku Badaruddin, apa-tah lagi pada dewasa ini, tenaga belia2 sangat2 di-perlukan dan mengambil peranan penting.

"Maka dengan sebab kesedaran itu-lah, tertuboh-nya sa-buah Badan Belia di-Kampung Setia Pahlawan dengan nama PERSATUAN IKATAN SETIA PAHLAWAN, rengkas-nya "INSAP".

Dengan tertuboh-nya Persatuan Belia di-Kampung ini bererti kesedaran belia2 di-Kampung ini telah berkubar2 hingga tumpas-lampus dengan Persatuan Belia ini, maka in-lah satu jalan untuk menyatu padukan tenaga belia2 yang ada di-Kampung ini untuk membangun masyarakat-nya dalam bidang2 yang tertentu,

kata beliau.

Selanjut-nya, Awangku Badaruddin menegaskan bahawa sebagaimana Persatuan2 Belia yang lain di-negeri ini, Persatuan Ikatan Setia Pahlawan juga ada mempunyai Dasar2 yang tertentu.

INSAP ada-lah menganut Empat Dasar yang besar, ia-itu: UGAMA, SOSIAL, KEBUDAYAAN, PELAJARAN DAN PERSURATAN.

JAWATAN KUASA PENUBOHAN

Jawatan Kuasa Penubohan INSAP yang telah di-lantek baru2 ini ada-lah seperti berikut:

Penasehat Umom — Awang Abdul Aziz Juneid.

Pengerusi — Awang Kambar Jaboh. **Penolong Pengerusi** — Dayang Halimah Haji Ismail.

Setia Usaha — Awangku Badaruddin Pengiran Haji Damit. **Penolong Setia Usaha** — Awangku Tengah Pengiran Abdul Rahman.

Bendahari — Awang Salleh Abu Bakar. **Penolong Bendahari** — Dayang Rabeah Haji Metali.

Jawatan Kuasa Pembantu:
1. Awang Aliamat Timbang;
2. Awang Ja'afar Metassan;
3. Dayang Noormen Khatib Haji Sulaiman, dan 4. Awang Md. Noor Md. Yassin.

Jadual Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Rancangan Lawatan Badan Penerangan Ugama Islam Brunei (Sharahan Ugama dan Wayang Gambar) mulai pada hari ini hingga ke-29 Jun ada-lah seperti berikut:

8 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Layong, Tutong.

13 Jun, 1966 — Kampong Pangkalan Batu, Brunei.

14 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Anggerek Desa, Brunei.

15 Jun, 1966 — Kampong Lorong Dalam, Brunei. (Rumah Awang Hj. Bakar b. Ag. Hashim).

18 Jun, 1966 — Lorong 5½ Seria. (Rumah Pg. Tengah bin Pg. Abu Bakar).

20 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Kilanas, Brunei.

21 Jun, 1966 — Kampong Kiulap, Brunei.

22 Jun, 1966 — Sekolah Melayu Kupang, Tutong.

27 Jun, 1966 — Kampong Batu Marang, Brunei.

28 Jun, 1966 — Kampong Pulau Baru2, Brunei.


29 Jun, 1966 — Kampong Lumapas, Brunei.

Pengurniaan Wang Tambang Dari Kerajaan Kerana Menunaikan Fardzu Haji

PEGAWAI2 KERAJAAN yang berhak untuk mendapat pengurniaan wang tambang kerana menunaikan Fardzu Haji menurut Surat Keliling Pejabat Setia Usaha Kerajaan No. 40/1961 ada-lah sekarang di-jemput untuk mengemukakan permohonan2 mereka bagi di-per-timbangkan untuk mendapat pengurniaan sa-demikian bagi musim Haji 1967.

Permohonan2 hendak-lah sampai ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan tidak lewat dari 30 Jun, 1966, dan layanan tidak akan di-beri kepada permohonan2 yang di-terima selepas tarikh tersebut.

Segala permohonan2 hendak-lah di-hantarkan dengan melalui Ketua2 Jabatan masing2, siapa ada-lah di-kehendaki mengedarkan permohonan2 itu ka-Pejabat Setia Usaha Kerajaan berserta dengan laporan2 mereka yang lengkap mengenai pemohon2.



Hijrah menghindari musibah oleh musuh akidah

Rencana dan Foto : Nurdiyana Rajami

LAL Hijrah merupakan tahun baharu dalam kalendar Islam iaitu awal Muharam, mengandungi satu peristiwa penuh bermakna bagi umat Islam di seluruh dunia, iaitu penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawarah pada Tahun 622 Masihi.

Sejarah telah membuktikan bahawa peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda dari Mekah Al-Mukaramah ke Madinah Al-Munawarah telah membuka lembaran sejarah yang paling agung bukan sahaja dalam perkembangan agama Islam, tetapi juga pada tamadun manusia keseluruhannya.

Pengajaran di sebalik peristiwa hijrah Rasulullah

Dengan adanya detik hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka terbentuklah negara Islam pertama di Madinah yang melahirkan satu umat yang bersatu padu, bersaudara, dihormati dan menjadi contoh bahkan dapat melahirkan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyatnya secara adil dan saksama. Sementara dari segi muamalat (jual beli) pula, amalan riba, penipuan dan kezaliman telah diharamkan. Segala kegiatan ekonomi yang halal dan bertepatan dengan ajaran Islam dalam perdagangan pula adalah digalakkan.

Peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah banyak memberikan

pengajaran yang amat berharga dan ia adalah warisan yang tidak ternilai harganya untuk umat Islam dalam usaha melahirkan Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur, iaitu negara aman makmur dan mendapat keampunan serta pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara pengajaran yang dapat diambil dari peristiwa tersebut ialah kesabaran dan ketekunan hati mempertahankan cita-cita. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan contoh bagaimana seharusnya kaum Muslimin mempertahankan cita-cita dan menegakkan dakwah Islamiah. Walaupun mengalami kesulitan, tetapi tetap mempertahankan keyakinan, akidah dan pendirian.

Biar pun hijrah bersama Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah pun berakhir, namun tuntutan hijrah dalam konteks meninggalkan segala perkara yang dilarang dan menuju keredaan Allah Subhanahu Wata'ala tetap berkekalan sehingga hari kiamat.

Oleh yang demikian, hijrah menuntut kita untuk melakukan pengorbanan demi melaksanakan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala, kerana hijrah itu sendiri ialah suatu perubahan yang memerlukan pengorbanan. Tiada perubahan ke arah yang lebih baik dan cemerlang yang tidak memerlukan pengorbanan. Perubahan adalah tuntutan hidup daripada sesuatu yang tidak baik kepada yang baik dan daripada yang baik kepada yang lebih baik, daripada

sifat mazmumah kepada sifat mahmudah, oleh itu, mengingati peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sekadar menyebut dan mengingati peristiwa bersejarah itu sahaja, tetapi yang lebih penting ialah menghidupkan erti sebenar hijrah dalam kehidupan kita seharian.

Keistimewaan bulan Muharam

Dalam pada itu, kefahaman mengenai kemuliaan Muharam juga perlu diketahui hingga ia diambil sebagai bulan pertama dalam takwim Islam. Ini terbukti berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Taubah, ayat 36 yang tafsirnya "*Sesungguhnya bilangan bulan-bulan di sisi (hukum) Allah ialah 12 bulan, dalam kitab Allah Subhanahu Wata'ala semasa Ia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan yang dihormati*".

Antara amalan sunat yang digalakkan sepanjang bulan Muharam ini adalah dengan melaksanakan puasa sunat. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, bulan yang paling baik untuk berpuasa selepas Ramadan ialah puasa pada Muharam. 10 Muharam ialah satu tarikh sangat penting dan dimulakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam hingga disunatkan untuk berpuasa, iaitu dipanggil Al-Asyura. Bagaimanapun, Mazhab Syafie menyatakan sunat untuk kita berpuasa pada 9, 10 dan 11 Muharam. Antara fadilat terbesar puasa pada 10 Muharam yang tidak sepatutnya diabaikan adalah diampunkan dosa seorang hamba itu bagi tempoh setahun yang lalu.

Sambutan Ilal Hijrah 1448

Sebagai sebuah negara Islam yang berpegang pada Ahli Sunnah Waljamaah, umat Islam di Negara Brunei Darussalam lazimnya meraikan kedatangan tahun baharu dalam kalendar Islam dengan Sambutan Ilal Hijrah dan mengimarahkan masjid-masjid, surau-surau serta balai-balai ibadat di seluruh negara. Antara pengisian utama acara pula ialah bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah dan Doa Awal Tahun Hijrah.

Pada tahun ini, tema bagi Sambutan Ilal Hijrah 1448 ialah 'Hijrah Penyelamat Akidah', di mana Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun 1447 Hijrah dan Awal Tahun 1448 Hijrah Peringkat Negara diadakan pada Selasa malam Rabu, 1 Muharam 1448H bersamaan 16 Jun 2026M, bermula jam 5.00 petang. Tumpuan utama majlis ialah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan; Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong; dan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Maka bersempena Awal Tahun Hijrah ini, sama-samalah kita berdoa semoga segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan membuat hijrah ke arah yang lebih baik dalam pelbagai aspek kehidupan, mudah-mudahan dengan demikian kita dapat bekerjasama untuk membangun bangsa, agama dan negara dengan petunjuk dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



MELAHIRKAN GRADUAN BERKEMAHIRAN TINGGI, BERDAYA SAING



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

SABAH, Isnin, 15 Jun. - Tiga pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) berjaya mengharumkan nama universiti apabila meraih tempat kedua dalam 8th Annual Stock Trading Competition 2026 yang berlangsung pada 12 hingga 13 Jun lalu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) Labuan International Campus.

Pertandingan anjuran International Finance Club, UMS Labuan International Campus itu bertujuan memberi pendedahan praktikal kepada para pelajar prasiswazah mengenai perdagangan saham dalam suasana kompetitif dan realistik, di samping memperkukuhkan kemahiran analitikal serta keupayaan membuat keputusan

dalam bidang kewangan dan pelaburan.

Pelajar FEKIm UNISSA yang mewakili universiti dalam pertandingan tersebut ialah Awangku Muhammad Adli Rusyaidi bin Pengiran Mohammad Shahrul Din daripada Program Sarjana Muda Ekonomi Islam, Awang Muhammad Syazwi bin Haji Hassan dan Dayang NorHuaina binti Haji Norihwan daripada Program Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam (Dual Degree).

Pencapaian tersebut mencerminkan keupayaan pelajar FEKIm dalam mengaplikasikan pengetahuan teori kepada situasi perdagangan saham secara praktikal, sekali gus membuktikan daya saing mereka di peringkat antarabangsa.

Kejayaan ini juga selaras dengan usaha berterusan UNISSA dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi, berdaya saing dan berupaya menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi dan kewangan Islam di negara ini.

FEKIm UNISSA merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada para pelajar atas kejayaan yang dicapai serta berharap pencapaian berkenaan akan menjadi pemangkin kepada lebih banyak kejayaan pada masa hadapan.

SERAMAI tiga pelajar dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali berjaya mengharumkan nama universiti apabila meraih tempat kedua dalam 8th Annual Stock Trading Competition 2026 (atas, atas kanan dan kanan).



Kraf tangan mampu jana sumber pendapatan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ihsan Syarikat Solved By Rakan Enterprise



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Kemahiran menghasilkan kraf tangan bukan sahaja mencerminkan bakat dan kreativiti individu, malah mampu menjadi sumber pendapatan tambahan.

Kemahiran berkenaan membuka peluang kepada para penggiat kraf tangan untuk memulakan perniagaan kecil dan memasarkan produk mereka kepada pelanggan yang menghargai hasil kerja buatan tangan.

Antara produk kraf tangan yang

boleh dihasilkan termasuk aksesori fesyen, rantai kunci, hiasan rumah, bunga hiasan, lilin aromaterapi, sabun buatan tangan, bakul anyaman serta bingkai gambar.

Produk unik dan buatan tangan tempatan sentiasa mempunyai tempat dalam kalangan pengguna dan menjadikannya bernilai serta relevan dalam pasaran semasa.

Salah satu kelebihan utama kraf tangan ialah modal permulaannya yang relatif rendah.

Ramai individu memulakan aktiviti berkenaan dari rumah

dengan menggunakan bahan yang mudah diperoleh seperti kain, manik, tali, kayu, kertas hiasan atau bahan kitar semula.

Produk yang mempunyai sentuhan peribadi dan tidak dihasilkan secara besar-besaran mempunyai daya tarikan tersendiri kepada sebahagian pengguna.

Berbeza dengan barangan kilang yang seragam, setiap hasil kraf tangan mempunyai keunikan tersendiri.

Faktor berkenaan menjadikan produk buatan tangan sesuai dijadikan sebagai hadiah, cenderamata atau koleksi peribadi.

Selain itu, kualiti produk merupakan faktor penting untuk memastikan pelanggan terus kembali.

Penghasilan produk yang kemas, penggunaan bahan yang berkualiti dan reka bentuk menarik yang boleh meningkatkan nilai sesuatu produk.

Di Negara Brunei Darussalam, peluang pasaran untuk kraf tangan dapat dilihat melalui penyertaan dalam bazar, ekspo keusahawanan dan acara komuniti yang sering dianjurkan sepanjang tahun.

Acara seperti ini memberi peluang kepada pengusaha kraf tangan untuk memperkenalkan produk mereka secara terus kepada pelanggan.

Dalam masa yang sama, media sosial turut memainkan peranan penting dalam membantu memasarkan hasil kraf tangan



Di Negara Brunei Darussalam, peluang pasaran untuk kraf tangan dapat dilihat melalui penyertaan dalam bazar, ekspo keusahawanan dan acara komuniti yang sering dianjurkan sepanjang tahun (atas dan kiri).

kepada khalayak yang lebih luas tanpa memerlukan kos promosi yang tinggi.

Selain menjual produk siap, kemahiran menghasilkan kraf tangan juga boleh dimanfaatkan dengan menganjurkan bengkel atau kelas asas.

Ramai ibu bapa mencari aktiviti kreatif untuk anak-anak mereka, manakala golongan dewasa pula berminat mempelajari kemahiran baharu sebagai hobi.

Ini menjadi peluang tambahan kepada individu yang berpengalaman dalam penghasilan kraf tangan untuk berkongsi ilmu sambil menjana

pendapatan.

Walaupun membina perniagaan kraf tangan memerlukan masa dan kesabaran, namun potensi yang ada tidak boleh dipandang ringan.

Kemahiran menghasilkan kraf tangan boleh berkembang daripada sekadar minat kepada sumber pendapatan melalui kreativiti, usaha berterusan dan pemasaran yang berkesan.

Dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar, memanfaatkan kemahiran sedia ada merupakan salah satu langkah bijak untuk menambah pendapatan dan membina peluang baharu dari rumah.

SUNTIK SEMANGAT PATRIOTISME, SIFAT PERPADUAN PELAJAR



JERAYAWARA Kenali ASEAN anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI diteruskan di dewan serbaguna Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Jun. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) bertempat di dewan serbaguna sekolah berkenaan, di sini.

Jerayawara ini adalah untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini.

Turut hadir pada taklimat

berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Dayang Sarimah binti Haji Lusin, dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 318 orang pelajar Tahun 7, 8 dan 9.

Taklimat tersebut antara lain adalah untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga

berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat, khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



JERAYAWARA tersebut dimulakan dengan Taklimat Kenali ASEAN kepada seramai 318 orang pelajar (bawah), dan seterusnya para pelajar sekolah berkenaan juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN (atas).



ALAI PINTAR 175

SOALAN 17 JUN 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Antara berikut, yang manakah daerah terdapat di Negara Brunei Darussalam?
 - Temburong
 - Lawas
 - Miri
- Harga sekotak susu ialah BND2.60. Berapakah harga 8 kotak susu?
 - BND21.80
 - BND19.80
 - BND20.80
- Membaca Al-Quran merupakan amalan yang _____.
 - Sia-sia
 - Mendapat pahala
 - Membazir masa

TARIKH TUTUP : 27 JUN 2026

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 174 :

Nama : Mohd. Harith bin Md. Hasnali
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0127891-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba I

Nama : Nur Aqilah Shahirah binti Mohd. Shahren
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0152656. Sekolah : Sekolah Stella

Nama : Ily Irbah binti Haji Mohammad Ardini
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 01-203177. Sekolah : Sekolah Menengah PAP Masnah

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 174

- C - bijak
- A - 10,000
- A - 4 daerah

GURU REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM AJAR KANAK-KANAK BERENANG, CEGAH LEMAS PADA MUSIM MONSUN



PHNOM PENH, 15 Jun. - Pihak berkuasa Republik Sosialis Viet Nam mempromosikan program renang dan keselamatan air untuk kanak-kanak ketika musim tengkujuh bermula, sebagai usaha mengelakkan kejadian lemas yang meragut ribuan nyawa setiap tahun. Hal itu didorong oleh kejadian kanak-kanak lemas yang terus menjadi kebimbangan kesihatan awam utama di Republik Sosialis Viet Nam, dan kumpulan advokasi global menganggarkan kira-kira 2,000 kanak-kanak kehilangan nyawa mereka akibat lemas setiap tahun, terutamanya dalam komuniti yang terdedah kepada banjir. Dalam musim hujan dan ketika permulaan cuti sekolah musim panas, pihak berkuasa memperluas

pengajaran kelas renang, mengajar kemahiran keselamatan air dan memantau sungai berisiko tinggi, terusan serta kawasan banjir, lapor Vietnam News pada Isnin. Skala cabaran kesihatan awam di Republik Sosialis Viet Nam telah mendorong pihak berkuasa meluaskan kempen di seluruh negara untuk mencegah kanak-kanak lemas, di negara yang terkenal dengan sistem sungai, tasik dan terusan yang luas. "(Kami) bekerjasama dengan sekolah, pertubuhan belia dan pusat renang untuk mempromosikan faedah belajar berenang, menggalakkan pelajar menyertai kelas renang, menyediakan kemahiran pencegahan lemas dan mengintegrasikan pendidikan

pencegahan kecederaan ke dalam aktiviti musim panas," kata Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Rakyat Phu Loi Ward Tran Thi Hong Van, lapor akhbar harian itu. Pada Mei lepas, empat pelajar dihidupkan arus deras ketika berenang di Wilayah Dak Lak. Tiga hari kemudian, lima lagi kanak-kanak lelaki lemas di Wilayah Phu Tho, menggariskan risiko berterusan yang dihadapi oleh kanak-kanak semasa tempoh hujan lebat dan banjir. Cabaran itu bukan sekadar di Republik Sosialis Viet Nam. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dianggarkan 300,000 orang mati akibat lemas di seluruh dunia pada 2021, dengan Asia Tenggara merekodkan jumlah kematian serantau tertinggi iaitu 83,000 kematian.

Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) melaporkan kes kanak-kanak lemas juga tinggidi Kemboja, iaitu hampir 1,300 kanak-kanak mati akibat lemas setiap tahun. Ia kekal sebagai antara punca utama kematian dalam kalangan kanak-kanak Kemboja berumur lima hingga 14 tahun. Laporan Status Serantau Asia Tenggara WHO mengenai Lemas 2025 mengenal pasti beberapa sebab kejadian tragis tersebut, memandangkan masyarakat tinggal berhampiran sungai, kolam, terusan dan zon pantai yang penting untuk kelangsungan kehidupan harian mereka. Di samping itu, monsun bermusim dan banjir berulang, yang ditingkatkan oleh perubahan iklim, cenderung meningkatkan risiko. "Kesukaran sosial dan ekonomi

serta ketidaksamaan memburukkan lagi kerentanan. Kemudahan perumahan yang tidak mencukupi, pengangkutan air yang tidak selamat, pilihan penjagaan kanak-kanak yang terhad dan mahir berenang yang lemah ialah fenomena yang berulang," menurut laporan WHO. UNICEF menganggarkan sembilan daripada 10 kematian akibat lemas berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana, dengan kanak-kanak di bawah umur lima tahun menghadapi risiko paling besar. Sebagai contoh, di Republik Rakyat Bangladesh, yang juga dikelilingi sungai-sungai besar dan terdedah kepada banjir, 40 kanak-kanak maut setiap hari. - ©BERNAMA

Kematian akibat dos berlebihan dadah di Australia catat rekod tertinggi pada 2024

SYDNEY, 16 Jun. - Jumlah kematian rakyat Australia akibat pengambilan dos berlebihan dadah mencapai paras tertinggi dalam sejarah pada 2024, menurut laporan yang diterbitkan pada Selasa. Laporan tahunan terkini oleh Penington Institute, sebuah kumpulan penyelidikan dasar dadah bebas yang berpangkalan di Sydney, mendedahkan seramai 2,596 individu meninggal dunia akibat dos berlebihan pada 2024, bersamaan purata tujuh kematian setiap hari.

Jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 10.7 peratus berbanding 2,345 kematian yang direkodkan pada 2023, sekali gus menjadi angka tertinggi yang pernah dicatatkan. Daripada 2,596 kematian berkaitan dadah pada 2024, laporan itu menyatakan yang 2,091 daripadanya adalah kematian tidak disengajakan, meningkat 15.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Ketua Pegawai Eksekutif Penington Institute John Ryan

berkata dalam satu kenyataan media, krisis dos berlebihan dadah di Australia semakin meruncing kerana negara itu terlalu bergantung kepada pendekatan hukuman berbanding langkah yang dapat menyelamatkan nyawa. "Tujuh rakyat Australia meninggal dunia setiap hari akibat dos berlebihan. "Ini bukan tragedi terpencil. Ia adalah kematian yang boleh dicegah dan sedang berlaku dalam komuniti di seluruh negara," katanya. Laporan itu turut menyatakan

bahawa lelaki menyumbang kepada 1,520 kematian tidak disengajakan akibat dadah berbanding 571 wanita. Selain itu, golongan berusia antara 50 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang mencatatkan jumlah kematian tidak disengajakan tertinggi.

Golongan yang mengambil Opioid pula meliputi 41.9 peratus daripada kematian tidak disengajakan akibat dadah, manakala kematian yang melibatkan kokain turut meningkat 28.2 peratus berbanding tahun sebelumnya. - ©BERNAMA

2 warga Mexico didakwa seludup lebih 200kg methamphetamine ke Australia

SYDNEY, 16 Jun. - Pihak berkuasa Australia mendakwa dua warga Mexico berhubung cubaan terancang menyeludup lebih 200 kilogram (kg) methamphetamine ke Sydney, lapor Xinhua. Polis Persekutuan Australia (AFP) dalam kenyataan pada Selasa memaklumkan siasatan dimulakan selepas anjing pengesanan Pasukan Sempadan Australia memberi petunjuk terhadap kehadiran narkotik ketika memeriksa sebuah kontena perkapalan yang tiba dari Mexico pada awal Jun. Penyiasat forensik AFP kemudian menjalankan pemeriksaan lanjut ke atas kontena itu dan mengenal pasti lapisan methamphetamine yang diserap dalam cat bahagian dalaman kontena berkenaan. Menurut polis, kontena itu mengandungi lebih 200kg methamphetamine dengan anggaran nilai pasaran jalanan sebanyak 185 juta dolar Australia (AS\$130.6 juta). Siasatan membawa kepada pelaksanaan waran geledah oleh AFP di sebuah premis di barat laut Sydney pada Isnin, dengan pihak berkuasa merampas peranti elektronik serta peralatan industri yang didakwa digunakan untuk mengekstrak methamphetamine itu. Dua warga Mexico - seorang bapa dan anak lelakinya masing-masing berusia 49 dan 25 tahun - ditahan di premis berkenaan sebelum didakwa atas satu pertuduhan cuba memiliki kuantiti komersial dadah kawalan sempadan yang diimport secara haram. Jika disabitkan kesalahan, mereka berdepan hukuman maksimum penjara seumur hidup. Seorang lagi warga Mexico, wanita berusia 25 tahun, turut ditahan namun dibebaskan sementara siasatan lanjut dijalankan. - ©BERNAMA

EU setuju tempat duduk keluarga percuma, harga tiket penerbangan lebih telus

STRASBOURG, 16 Jun. - Penggubal undang-undang Kesatuan Eropah (EU) dan negara anggota mencapai persetujuan mengenai peraturan baharu hak penumpang yang membolehkan keluarga menempah tempat duduk bersebelahan dalam penerbangan secara percuma serta mewajibkan syarikat penerbangan memaparkan harga tiket dengan lebih telus, lapor agensi berita Jerman dpa. Presiden Parlimen Eropah, Roberta Metsola dan Menteri Pengangkutan Cyprus, Alexis Vafeades yang mewakili negara anggota EU, menandatangani persetujuan itu di Strasbourg pada

Isnin. Perjanjian itu masih memerlukan kelulusan rasmi daripada negara anggota EU dan Parlimen Eropah, walaupun ia dilihat secara meluas sebagai formaliti. Di bawah persetujuan itu, carian tiket dalam talian secara automatik akan memaparkan tambang yang merangkumi satu bagasi tangan, sekali gus memudahkan pengguna membandingkan harga. Bagaimanapun, syarikat penerbangan masih bebas menawarkan tiket lebih murah yang memerlukan penumpang membayar caj tambahan sekiranya mahu membawa bagasi kabin, model yang telah digunakan beberapa syarikat

penerbangan tambang rendah. Peraturan itu juga menjamin tempat duduk bersebelahan ibu bapa boleh ditempah secara percuma bagi kanak-kanak bawah umur. Penumpang yang mendaftar masuk secara digital turut berhak mendapatkan pas masuk bercetak secara percuma. "Rangka kerja moden ini akan memberikan kepastian, keadilan dan perlindungan yang lebih kukuh untuk jutaan penumpang udara Eropah. Perjanjian ini mencapai keseimbangan yang adil untuk syarikat penerbangan kami, membantu memelihara ketersambungan yang penting untuk pasaran dalaman EU dan warganya," kata Vafeades dalam kenyataan. - ©BERNAMA

Republik Korea tawar diskaun tambang bas ekspres untuk pelancong asing

SEOUL, 15 Jun. - Agensi pelancongan Republik Korea memaklumkan pada Isnin akan menawarkan diskaun tambang bas ekspres dan antara bandar kepada pelancong asing untuk menggalakkan perjalanan ke luar wilayah ibu negara, lapor Agensi Berita Yonhap. Pertubuhan Pelancongan Korea akan memberikan diskaun 5,000 won (USD3.30) setiap orang kepada 8,000 pelawat asing yang

menggunakan bas ekspres atau antara bandar untuk pergi ke destinasi serantau, selama sebulan mulai Isnin. Inisiatif itu, dengan kerjasama platform pelancongan Klook dan Go Hanpass, bertujuan meningkatkan akses kepada pengangkutan serantau dan mengurangkan tumpuan pelancong asing di kawasan metropolitan Seoul, kata pegawai. Go Hanpass akan menawarkan

kupon diskaun tambahan kepada pengguna bas, manakala Klook akan menyediakan perkhidmatan eSIM percuma untuk meningkatkan kemudahan bagi pengembara. "Kami akan meneruskan promosi perkongsian awam-swasta supaya pengunjung dapat merasai pelbagai tarikan di kawasan serantau dengan menggunakan rangkaian pengangkutan tempatan seperti bas dan kereta api," kata agensi itu dalam satu kenyataan. - ©BERNAMA

6 maut, helikopter bertembung di Rio de Janeiro

RIO DE JANEIRO, 15 Jun. - Kesemua enam individu yang menaiki dua helikopter maut apabila pesawat itu bertembung di udara dan terhempas ke tempat letak kereta sebuah pengedar kereta di bandar pantai Brazil di Rio de Janeiro, lapor agensi berita Jerman dpa memetik laporan portal berita G1 pada Ahad. Sebuah helikopter meletup akibat kesan pelanggaran dan beberapa kereta terbakar. Satu daripada helikopter itu membawa empat penumpang dan seorang juruterbang, manakala satu lagi hanya mempunyai juruterbang di dalamnya. Punca kemalangan tidak jelas. Tentera udara, yang bertanggungjawab menyiasat kemalangan penerbangan, telah melancarkan siasatan. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



BAIDURI MASTERS 2026 KINI KEMBALI

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERIBI, Isnin, 15 Jun. - Bank Baiduri menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan-rakan usaha sama bagi penganjuran Baiduri Masters 2026 dalam satu majlis yang berlangsung di Bilik Pameran Auto QAF, sekali gus menandakan kesinambungan salah satu kejohanan golf amal paling berprestij dan paling lama dianjurkan di Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Memasuki Edisi Ke-28 penganjurannya, Baiduri Masters bukan lagi sekadar acara tahunan dalam kalendar sukan golf negara. Sejak diperkenalkan pada tahun 1995, kejohanan ini telah berkembang menjadi sebuah platform bermakna yang menghimpunkan pemain golf, komuniti perniagaan serta masyarakat umum dalam usaha menyokong pelbagai inisiatif kebajikan.

Melalui platform ini, penyertaan dalam kejohanan berkenaan secara langsung menyumbang kepada organisasi-organisasi tempatan yang berkhidmat untuk kesejahteraan kanak-kanak, individu berkeperluan khas serta golongan yang memerlukan dan rentan dalam masyarakat. Inisiatif tersebut mencerminkan komitmen berterusan Bank Baiduri dalam memperkukuh semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial korporat demi kesejahteraan komuniti di negara ini.

Hasil daripada kejohanan tahun

ini akan disalurkan kepada lima organisasi amal iaitu La Vida, SMARTER Brunei, Learning Ladders Society, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan An-Nur Harapan. Pada tahun 2025, kejohanan ini telah menarik lebih daripada 800 pemain golf dan telah mengumpul dana sebanyak BND82,000 untuk tujuan amal.

Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank Berhad, Ti Eng Hui dalam ucapannya berkata bahawa apa yang membuatkan Baiduri Masters istimewa adalah ia telah berkembang menjadi lebih daripada sekadar kejohanan golf. Ia telah menjadi platform di mana orang ramai boleh bersatu untuk sesuatu yang benar-benar penting di luar permainan itu sendiri.

"Pada terasnya, ia adalah tentang sumbangan. Sama ada seseorang mengambil bahagian sebagai pemain golf, menyokong sebagai penaja atau membantu di sebalik tabir, semua orang memainkan peranan. Dan hakikat bahawa semua yuran pendaftaran disalurkan terus kepada badan amal memberikan kejohanan ini cara yang sangat langsung dan bermakna untuk menyokong organisasi yang melakukan kerja penting dalam komuniti.

"Kami juga bernasib baik kerana mempunyai rakan kongsi acara strategik seperti QAF Brunei dan Brunei Press bersama kami selama beberapa dekad. Sokongan berterusan mereka telah benar-benar membantu mengekalkan kejohanan dan

membolehkannya berkembang dalam skala dan impak. Usaha kolektif itulah yang menjadikan Baiduri Masters bermakna tahun demi tahun," ujar beliau lagi.

Majlis Menandatangani MoU dimulakan dengan pemeteraian MoU antara Bank Baiduri dan QAF Auto Sdn. Bhd.

Menandatangani bagi pihak Bank Baiduri ialah Ketua Pegawai Eksekutif Baiduri Bank, Ti Eng Hui dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbendaharaan Kumpulan dan Perbankan Institusi Baiduri Bank, Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha selaku Presiden Baiduri Masters 2026.

Sementara itu, menandatangani bagi pihak QAF Auto ialah Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei Sdn. Bhd., Albert Lau. Manakala Pengurus Besar QAF Auto Sdn. Bhd., Alisa Khoo pula menandatangani sebagai saksi.

Majlis kemudiannya diikuti dengan penandatanganan MoU antara Baiduri Bank dan QAF Prestige Sdn. Bhd. Menandatangani bagi pihak Bank Baiduri ialah Ti Eng Hui dan Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha, manakala Albert Lau menandatangani bagi pihak QAF Prestige. Sementara, Timbalan Pengurus Besar QAF Prestige, Daniel Loo pula menandatangani sebagai saksi.

MoU ketiga telah ditandatangani antara Bank Baiduri dan Brunei Press Sdn. Bhd. Menandatangani bagi pihak Bank Baiduri ialah Ti Eng Hui dan Pengiran Azaleen bin Pengiran Dato Haji Mustapha. Albert Lau menandatangani bagi



BANK Baiduri telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama rakan-rakan usaha sama bagi penganjuran Baiduri Masters 2026 di Bilik Pameran Auto QAF baru-baru ini.

pihak Brunei Press, manakala Pengurus Besar Brunei Press, Anafiah Omar pula menandatangani sebagai saksi.

Kejohanan tahun ini akan bermula pada 7 Ogos di Kelab Golf Pantai Mentiri dan akan berlangsung selama dua hujung minggu, berakhir pada 16 Ogos.

Peserta sekali lagi akan bertanding untuk merebut Jaket Hijau dan Trofi Cabaran yang berprestij, berserta pelbagai hadiah lubang dalam satu yang disumbangkan oleh penyokong acara. Ini termasuk BMW X3 di Lubang 13, Porsche Macan EV di Lubang 16, MINI Cooper di Lubang 9 dan hadiah wang tunai BND20,000 di Lubang 7.

Kemasukan kenderaan elektrik antara hadiah juga mencerminkan penekanan yang semakin meningkat terhadap kemampanan, selaras dengan komitmen

Kumpulan Bank Baiduri yang lebih luas di bawah rangka kerja Greenprint Baiduri.

Melalui tonggak Planetnya, kumpulan bank berkenaan terus menggalakkan pilihan yang lebih mampan, termasuk penggunaan penyelesaian mobiliti yang lebih bersih, sambil melengkapi tumpuan kejohanan yang telah lama diberikan kepada sokongan komuniti melalui pemberian amal.

Pendaftaran untuk Baiduri Masters akan bermula pada 29 Jun 2026, menawarkan kadar tetap BND120 untuk Kategori Lelaki, Wanita dan Senior, dan BND60 untuk Kategori Junior.

Pendaftaran dalam talian akan diuruskan oleh Pocket. Borang pendaftaran juga akan disediakan di Kelab Golf Pantai Mentiri, dengan penyerahan dan pembayaran penuh diterima di kaunter pendaftaran Kelab.

Eratkan silaturahmi, sokong gaya hidup sihat

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Ihsan Dr. Haji Roslan Haji Untong

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Jun. - Dengan hasrat murni bagi terus mengeratkan dan memperkukuhkan lagi ikatan ukhuwah antara alumni dan ahli keluarga serta menyokong gaya hidup sihat, Alumni Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sesi Pengambilan Tahun 1985-1988 (Alumni MPUSB 85) buat julung kalinya telah mengadakan Pertandingan Sukan Boling sempena Hari Usrah Alumni MPUSB 85, baru-baru ini.

Pertandingan yang diadakan di Golden Bowling, The Airport Mall itu telah menghimpunkan seramai lebih

50 orang alumni bersama ahli keluarga masing-masing.

Sebanyak empat kategori telah dipertandingkan iaitu Kategori Pemain Lelaki dan Perempuan Individu Terbaik; Kategori Kumpulan Lelaki dan Perempuan Terbaik; Kategori Keluarga Alumni Terbaik dan Kategori Pemain Strike Terbanyak.

Antara yang hadir menyertai pertandingan berkenaan ialah mantan Yang Dipertua Penuntut MPUSB bagi Sesi 1987-1988, Begawan Mudim Haji Abdul Latif bin Haji Saman.

Adapun gagasan penubuhan

Alumni MPUSB 85 ini adalah sebagai wadah untuk berkumpul, mengeratkan silaturahmi, berkongsi pengalaman dan menganjurkan pelbagai aktiviti kebajikan serta aktiviti rekreasi. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan merangkumi majlis tahlil, *badudun* ke kampung rakan seperjuangan, lawatan keluar negeri dan juga aktiviti bersukan.

PERTANDINGAN Sukan Boling sempena Hari Usrah Alumni MPUSB 85 telah diadakan baru-baru ini di Golden Bowling, The Airport Mall, di mana seramai lebih 50 orang alumni bersama ahli keluarga masing-masing hadir menyertai acara tersebut.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SAMBUK TAHUN BAHARU HIJRAH INI DENGAN MEMPERBAIKI AMALAN-AMALAN KITA